



**INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,  
GOVERNMENT AND COMMUNICATION  
(IJLGC)**  
[www.ijlgc.com](http://www.ijlgc.com)



**ANALISIS NARATIF PERANG ÇANAKKALE 1915 MENURUT  
CERMINAN SUMBER PRIMER TERPILIH**

*A NARRATIVE ANALYSIS ON THE BATTLE OF ÇANAKKALE 1915 ACCORDING  
TO THE REFLECTION OF SELECTED PRIMARY SOURCES*

Ezad Azraai Jamsari<sup>1\*</sup>, Raja Muhammad Imran Raja Abdul Aziz<sup>2</sup>, Ermy Azziaty Rozali<sup>3</sup>,  
Badlihisham Mohd Nasir<sup>4</sup>, Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashari<sup>5</sup>, Adibah Sulaiman<sup>6</sup>,  
Noorsafuan Che Noh<sup>7</sup>

- 1 Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.  
Email: [eajsti@gmail.com](mailto:eajsti@gmail.com); [ezad@ukm.edu.my](mailto:ezad@ukm.edu.my)
  - 2 Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.  
Email: [rajaimranukm@gmail.com](mailto:rajaimranukm@gmail.com)
  - 3 Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam & Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.  
Email: [ermy@ukm.edu.my](mailto:ermy@ukm.edu.my)
  - 4 Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Skudai, Johor Bahru, Johor, Malaysia.  
Email: [badlihisham@utm.my](mailto:badlihisham@utm.my)
  - 5 Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.  
Email: [mozaha@ukm.edu.my](mailto:mozaha@ukm.edu.my)
  - 6 Pusat Pengajian Teras, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.  
Email: [adibah@usim.edu.my](mailto:adibah@usim.edu.my)
  - 7 Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.  
Email: [noorsafuancn@unisza.edu.my](mailto:noorsafuancn@unisza.edu.my)
- \* Corresponding Author

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 18.10.2020  
Revised date: 27.10.2020  
Accepted date: 30.10.2020  
Published date: 06.12.2020

**Abstrak:**

Makalah ini memerihalkan pencerakinan sumber-sumber primer terpilih berkenaan Perang Çanakkale (Perang Gallipoli) yang berlaku pada tahun 1915 dalam Kerajaan 'Uthmaniyyah, di samping memberi anotasi holistik kepada sumber-sumber tersebut. Analisis naratif dalam kajian ini memberi erti pemerian dan pemerihalan aspek pengajaran penceritaan daripada catatan sumber-sumber terpilih berkenaan. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis

**To cite this document:**

Jamsari, E. A., Aziz, R. M. I. R., Rozali, E. A., Nasir, B. M., Ashari, M. Z. A .H., Sulaiman, A., & Noh, N. C. (2020). Analisis Naratif Perang Çanakkale 1915 Menurut Cerminkan Sumber Primer Terpilih. *International Journal of Law, Government and Communication*, 5 (21), 83-110.

**DOI:** 10.35631/IJLGC.521008.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



dan meneliti sumber-sumber primer terpilih dan anotasinya kepada Perang Çanakkale 1915. Keseluruhan kajian ini menggunakan pendekatan kaedah kualitatif menerusi reka bentuk kajian sejarah dan analisis kandungan. Bagi kaedah pengumpulan data, data kajian ini dikumpul menggunakan analisis dokumen dengan penelitian terhadap sumber-sumber primer terpilih. Manakala bagi kaedah penganalisan data, kajian ini selanjutnya menggunakan pendekatan kritikan luaran dan kritikan dalaman. Dapatan kajian ini menghujahkan bahawa terdapat kelompangan pada pemerolehan sumber-sumber berkaitan Perang Çanakkale 1915, khususnya dalam bahasa Melayu yang tercermin daripada perspektif anak watan. Justeru, kajian ini mengambil prakarsa untuk memfokuskan aspek analisis naratif bagi Perang Çanakkale 1915 dengan tumpuan pada beberapa sumber primer terpilih dalam bahasa Inggeris. Pencerakinan ini dilakukan secara holistik dengan penelitian anotasi terhadap bahan rujukan bagi sejarah Perang Çanakkale 1915 yang diklasifikasikan sebagai berwewenang. Analisis anotasi berkenaan dilakukan terhadap 10 bahan bagi kategori catatan perang (primer) yang dipilih secara rawak. Sumbangan kajian ini dapat memberi kemudahan dalam pencarian sumber berkaitan sejarah Perang Çanakkale 1915, khususnya dari sudut sumber primer berautoriti. Secara tidak langsung, kajian ini juga dapat memartabatkan bidang sejarah ketenteraan Islam, khususnya pada era ‘Uthmani kepada para pengkaji korpus sejarah dan tamadun Islam, di samping mewujudkan senarai rujukan Perang Çanakkale 1915 dalam bahasa Melayu bagi mengisi kelompangan yang dinyatakan sebelum ini.

**Kata Kunci:**

Perang ‘Uthmaniyyah, Sejarah Ketenteraan, Ketenteraan ‘Uthmaniyyah, Perang Çanakkale, Perang Gallipoli, Sumber Primer

**Abstract:**

This article describes the investigation of selected primary sources regarding the Battle of Çanakkale (Battle of Gallipoli) which occurred in the year 1915 in the Ottoman era, in addition to compiling a holistic annotation of the sources. Analysis of the narrative in this research gives meaning to the portrayal and description of the lesson aspect of narration from the records of the selected sources. The purpose of this research is to analyze and scrutinize the selected primary sources and the annotation to the Battle of Çanakkale 1915. The whole research used a qualitative approach through historical and content analysis design. Research data was gathered using document analysis and scrutiny of the selected primary sources. Data analysis in this research used an internal and external critique approach. Research findings conclude that in the acquisition of resources, there was a void relating to the Battle of Çanakkale 1915, especially in the Malay language as reflected from the native’s perspective. Hence, this research took the initiative to focus on the aspect of analyzing the narrative of the Battle of Çanakkale 1915 of some selected primary sources in the English language. This investigation was holistically conducted by scrutinizing the annotations of reference materials categorized as authoritative for the history of the Battle of Çanakkale 1915. Analysis of annotation was done on ten (10) materials for the category of war records (primary) randomly selected. This research can contribute to facilitating a search for sources relating to the Battle of Çanakkale 1915, especially authoritative primary sources. It can indirectly elevate the field of Muslim military history, particularly of the Ottoman era, to researchers of Islamic history and civilization corpus. In addition, a reference list in the Malay language for the Battle of Çanakkale 1915 was compiled in order to fill the void mentioned.

**Keywords:**

Ottoman War, Military History, Ottoman Military, Battle of Çanakkale, Battle of Gallipoli, Primary Sources

**Pengenalan**

Perang Dunia Pertama telah meletus pada awal abad ke-20M, iaitu sepanjang tahun 1914 hingga tahun 1918 dan dianggap sebagai perang terbesar dalam sejarah dunia yang berlaku antara dua kuasa besar, iaitu pihak *Allies* (Britain, Perancis, Rusia, Itali dan Amerika) dan pihak *Central Powers* (Jerman, 'Uthmaniyyah, Austria-Hungary dan Bulgaria) (Hall, 2015: 592-593). Pelbagai pandangan yang dibawa oleh sarjana berkaitan punca utama meletusnya Perang Dunia Pertama ini, misalnya seperti Carrie (1965: 19-21) yang berpendapat bahawa antara faktor yang mendorong kepada Perang Dunia Pertama ialah gerakan nasionalisme, konflik di Balkan dan juga Perang Crimea. Manakala Abu Talib dan Saleha (2001: 396) berpandangan bahawa terdapat pihak yang menyalahkan Jerman dan sekutunya, sementara itu terdapat pula pihak yang menyalahkan Serbia, Perancis, Rusia dan kuasa lain kerana tiada persefahaman dan cara bagi menangani peristiwa kematian Archduke Franz Ferdinand, Putera Mahkota Habsburg di Sarajevo pada 28 Jun 1914. Oleh yang demikian, faktor utama peperangan ini berlaku adalah disebabkan oleh lima perkara, iaitu sistem pakatan yang wujud, aspek ketenteraan, semangat nasionalisme, imperialisme dalam ekonomi dan juga perkembangan industri surat khabar (Fay, 1966: 33-34).

Permulaan Perang Dunia Pertama menyaksikan 'Uthmaniyyah sebagai sebuah pihak yang berkecuali, tetapi atas beberapa faktor Uthmaniyyah diheret sama dalam kancah peperangan ini pada tahun 1914M. Sementara, Abdol Rauh (1995: 97-105) menegaskan bahawa semenjak Ogos 1914, pihak Britain mendapati 'Uthmaniyyah lambat-laun akan terlibat sama dalam kancah peperangan dengan memihak kepada *Central Powers* atau Kuasa Pusat (Jerman dan sekutunya). 'Uthmaniyyah membuat perjanjian dengan Jerman pada 2 Ogos 1914 kerana Jerman merupakan sebuah negara yang dipimpin oleh Kaisar William yang berjaya menunjukkan imej sebagai pembela umat Islam. Harapan bahawa dengan penyertaan 'Uthmaniyyah sebagai sebahagian daripada Kuasa Pusat, wilayah itu mampu menundukkan ancaman perluasan wilayah Rusia (Nik Anuar, 2009: 89-96).

Menurut Uyar (2016: 166), kekuatan ketenteraan 'Uthmaniyyah tatkala ia menyertai Kuasa Pusat sungguh merisaukan pegawai Jerman, Erich R. Pringge. Kekuatan ketenteraan tidak hanya dilihat berdasarkan keanggotaan yang ramai semata-mata. Selain itu, ia juga amat bergantung pada keyakinan karakter pemimpin, keberkesanan strategi peperangan, kebijaksanaan merencana strategi peperangan dan lain-lain. Hal ini memang selari dengan apa yang terdapat dalam peristiwa Perang Çanakkale atau Perang Gallipoli yang berlaku pada tahun 1915, apabila tentera Turki yang sedikit berjaya memanipulasi pihak lawan sehingga memaksa tentera musuh mengundurkan diri dari wilayah 'Uthmaniyyah. Ini sebagaimana penjelasan Charlwood (2015: 241) yang menyatakan:

*The Allies invaded the Gallipoli peninsula in the Dardanelles on the 25<sup>th</sup> of April 1915, in an audacious attempt to end Ottoman involvement in the First World War. Less than nine months later, as repeated offensives had failed to gain momentum, the remaining 35,000 men who had been tasked with capturing Constantinople ignominiously evacuated under cover of darkness. The failure of the Gallipoli*

*campaign caused a Cabinet split that led to the end of Prime Minister Asquith's Liberal government.*

Dalam perbahasan yang sama, Ermy Azziaty dan Azmul Fahimi (2011: 19) menegaskan bahawa Jerman memerlukan sokongan 'Uthmaniyyah di pihak mereka bertujuan untuk mengekang Kuasa Bersekutu. Lalu bermulalah perbincangan antara kedua negara tersebut tatkala perang besar bermula (Aksakal 2008: 94).

Perang Çanakkale atau Gallipoli yang berlaku pada tahun 1915 di perairan Selat Dardanelles ialah sebuah perang yang besar yang melibatkan peperangan di kawasan laut dan darat. Peperangan ini merupakan perang yang besar dalam kalangan rakyat 'Uthmaniyyah kerana mereka berjaya mematahkan serangan Britain dan Perancis yang berhasrat untuk memasuki selat Dardanelles sekali gus menyerang Istanbul melalui jalan laut. Menurut Haythornthwaite (t.th.: 92) melalui kronologi Perang Gallipoli 1915, Kuasa Bersekutu (Britain, Perancis dan Rusia) mengisytiharkan perang ke atas Kerajaan 'Uthmaniyyah pada 31 Oktober 1914, dua bulan selepas ia menyertai Kuasa Pusat. Tanggal 19 Februari 1915 menjadi permulaan Perang Gallipoli apabila Kuasa Bersekutu memulakan serangan dengan mengebom pertahanan Kuasa Pusat di Selat Dardanelles. Serangan itu berakhir sehingga 9 Januari 1916 apabila tentera Kuasa Bersekutu berundur secara berperingkat. Penerangan dan gambaran suasana Perang Çanakkale 1915 ialah seperti pada paparan Lampiran.

Sejarah mengenai kemenangan tentera Turki ini telah mendapat perhatian para sarjana dari seluruh pelusok negara. Pelbagai kajian dari aspek sumber kajian primer, ketenteraan, geografi, psikologi, peranan perempuan, politik, ekonomi dan perairan ialah antara topik yang dibahas oleh para sarjana tersebut bagi mengamati lebih lanjut mengenai Perang Gallipoli 1915. Justeru, pemerian analisis naratif berbentuk anotasi terhadap sumber primer Perang Gallipoli 1915 terpilih seperti ini dianggap relevan untuk dicerakinkan bagi memudahkan para pengkaji sejarah sejarah ketenteraan Islam era 'Uthmani, terutama di Malaysia untuk memperoleh dan mendapatkan bahan kajian serta pemahaman secara lebih mendalam dan komprehensif.

### **Cakupan Holistik Kajian**

Kajian ini bertitik tolak daripada kenyataan Yanıkdağ (2015: 107) yang menegaskan keperluan para pengkaji untuk merujuk sumber primer dalam memahami pencerakinan Perang Çanakkale 1915 adalah amat perlu dan begitu signifikan. Beliau menjelaskan:

*Two factors explain the tendency to report the dead at 250,000 (or more) even after official corrections. First, many "popular historians", and even some "professional" ones, make frequent use of a "copy-and-paste" method of "history" writing without questioning their sources. Because many of the popular works are not based on original archival research, they repeat the mistakes of others, elevating them to "truth". Second, possible myth-making about martyrdom and sacrifice might be in evidence. How could such a great battle have only 57,000 martyrs? Arguably, in such thinking, what makes a battle "great" are the sacrifices made: the greater the sacrifice, the greater the battle. Some of what follows might provide further clues to the meaning of greatly inflated numbers.*

Kenyataan di atas memperlihatkan kepentingan merujuk sumber primer dalam memahami perkembangan sejarah Perang Çanakkale 1915 oleh para pengkaji sejarah dan tamadun

'Uthmaniyyah moden, tanpa menafikan keperluan untuk merujuk sumber sekunder. Dengan demikian, pemerolehan fakta sejarah dapat disahkan secara benar dan tepat bagi sesuatu peristiwa yang berlaku dan seterusnya dapat melahirkan pengajaran penceritaan sejarah yang boleh dipercayai. Analisis seumpamanya turut disokong oleh Uyar (2016: 165) yang menegaskan peristiwa Perang Çanakkale 1915 berjaya menarik perhatian para pengkaji sejarah 'Uthmaniyyah moden, bersandarkan dokumen rasmi kerajaan dan pendapat yang popular berkenaan perang tersebut. Pencapaian yang diraih dalam Perang Çanakkale 1915 bukanlah satu kemenangan yang besar semata-mata dalam mempertahankan negara dari dimasuki tentera musuh yang besar, malahan kemenangan ini amat signifikan dengan kelahiran bangsa Turki baharu selepas pertukaran Kerajaan 'Uthmaniyyah kepada negara Republik Turki moden. Uyar mengutarakan:

*The Gallipoli campaign occupies an important place in modern Turkish history. From both the official Turkish and popular perspective, it is regarded not only as a magnificent victory, but also as signifying the birth of the new Turkish nation which emerged from the ruins of the Ottoman Empire.*

Kenyataan di atas membuktikan kekalahan yang dialami oleh tentera musuh dengan memiliki kekuatan tentera ramai, memberi tamparan hebat kepada pemimpin mereka kerana tidak berjaya melaksanakan tanggungjawab untuk menawan wilayah Istanbul, sekali gus untuk melumpuhkan pemerintahan 'Uthmaniyyah.

Selain pernyataan di atas, ketiadaan kajian yang memberi tumpuan pada aspek penganalisisan sumber primer berkaitan Perang Çanakkale 1915 dalam bahasa Melayu secara tuntas menyebabkan keterdesakan kepada pengkaji untuk menjalankan kajian berkenaan analisis kajian sumber (primer dan sekunder; kajian bibliografi) ini. Secara tidak langsung, kelompangan ini telah menyebabkan ketiadaan rujukan dan bahan ilmiah yang berwewenang, khususnya dalam bahasa Melayu yang tercermin daripada perspektif anak watan, sekali gus menyebabkan kesukaran buat pengkaji lain untuk mengembangkan bidang kajian sumber ini secara holistik. Kajian ini juga mendapati keterbatasan pemerolehan penulisan berbahasa Melayu yang mendalam khasnya dari pelbagai kategori bahan sumber mengenai perang ini. Justeru, kajian ini dapat menghasilkan bahan rujukan yang terangkum dalam satu kajian terfokus yang komprehensif untuk penelaahan pengkaji lain agar penelitian terhadap sumber primer bagi isu yang sama ini diberi perhatian sewajarnya.

Oleh yang demikian, analisis naratif dalam kajian ini memberi erti pemerian pengajaran penceritaan daripada catatan sumber-sumber terpilih berkenaan. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis dan meneliti sumber-sumber primer bagi Perang Çanakkale 1915 serta memberi analisis anotasi terperinci bagi setiap sumber berkenaan yang diperoleh menerusi pencarian beberapa laman web. Pencarian atau pemerolehan bahan dan maklumat pada era dewasa ini berlaku secara cepat dan pantas. Akses terhadap data secara atas talian ialah satu usaha untuk mendalami bidang keilmuan tertentu dan dianggap sebagai antara kemudahan terbaik dan terpentas buat para pengguna, terutama kalangan sarjana, pensyarah, pengkaji dan mahasiswa. Terdapat beberapa laman web yang memaparkan sumber-sumber ilmiah, sama ada secara percuma mahupun berbayar. Sistem pangkalan data yang memuatkan aspek keilmuan boleh dicapai dan diakses dengan mudah. Tambahan pula, jalinan sumber perpustakaan dan juga sumber laman web yang lain turut membantu dalam mengembangkan korpus ilmu tertentu, di

samping memberi impak terhadap perkembangan kajian mutakhir, termasuk kajian bidang sejarah dan tamadun Islam.

Keseluruhan kajian ini menggunakan pendekatan kaedah kualitatif menerusi reka bentuk kajian sejarah dan analisis kandungan. Kajian sejarah ialah satu proses meneliti dan menganalisis maklumat secara kritis terhadap catatan dan peninggalan masa lampau melalui kronologinya yang tersendiri. Melalui metode ini, kajian ini mengumpulkan maklumat dan data berkaitan dengan situasi semasa Perang Çanakkale 1915 berlaku dalam tempoh Perang Dunia I, di samping meneliti elemen dan analisis penting berkaitan perang ini. Kaedah analisis kandungan diadaptasi dalam kajian ini untuk menganalisis isi kandungan sumber-sumber primer dan sekunder yang tersurat dan ‘dicerakinkan secara objektif serta sistematik’ (anotasi) dalam menghasilkan kajian berkaitan sejarah Perang Çanakkale 1915. Kajian ini dihasilkan berdasarkan kata kunci: ‘Çanakkale 1915’, ‘Gallipoli 1915’, ‘ANZAC’, ‘Ottoman History’, ‘World War I’, dengan merujuk beberapa sumber primer terpilih. Berdasarkan data dikumpul, kajian yang telah diklasifikasikan seterusnya diberi anotasi pada maklumat yang berkaitan dengan tajuk Perang Çanakkale 1915. Bagi kaedah pengumpulan data, data kajian ini dikumpul menggunakan analisis dokumen dengan penelitian terhadap sumber-sumber primer terpilih. Manakala bagi kaedah penganalisan data, kajian ini selanjutnya menggunakan pendekatan kritikan luaran dan kritikan dalaman.

### **Tinjauan Literatur**

Kajian ini mendapati bahawa terdapat banyak kajian yang telah dilaksanakan mengikut kata kunci Perang Dunia I, *Ottoman History*, *Çanakkale 1915* dan *Gallipoli War* dalam sumber-sumber seperti buku, jurnal, kertas kerja, ensiklopedia, prosiding dan tesis yang boleh didapati pada laman web tertentu. Akan tetapi, masih belum terdapat sebuah kajian bibliografi dan anotasi berkaitan Perang Çanakkale 1915, khasnya dalam pencerakinan berbahasa Melayu. Oleh itu, kajian ini menghimpunkan sumber primer dan sekunder Perang Çanakkale 1915 serta menganotasikannya agar dapat dipersembahkan kepada khalayak pengkaji yang memiliki *research interest* yang sama. Kajian ini dijalankan mengikut kategori sumber, sama ada primer atau sekunder terpilih. Penelitian terhadap tinjauan literatur yang menjalankan kaedah bibliografi dan anotasi sumber ialah seperti berikut:

### ***Kajian Bibliografi dan Anotasi***

Kajian yang dihasilkan oleh Mohd Razif Abdullah pada tahun 2003 yang, ‘Sumber-sumber berbahasa Melayu dalam pengkajian sejarah dan tamadun Islam era Andalus: Satu kajian bibliografi dan anotasi’. Latihan Ilmiah ini membincangkan perihal pengumpulan semua sumber yang berbahasa Melayu dalam kajian sejarah dan tamadun Islam di Andalus. Sumber-sumber tersebut diperoleh dan didapati di Perpustakaan Tun Seri Lanang (PTSL, UKM), Perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu (PATMA UKM), Bilik Sumber Fakulti Pengajian Islam (FPI, UKM), Koleksi Tesis dan Disertasi Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam (JPATI, FPI), Koleksi Tesis dan Disertasi Jabatan Usuluddin dan Falsafah (JUF, FPI) serta bahan-bahan yang terdapat dalam simpanan individu para pesnyarah dan penyelidik. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengumpul semua sumber berbahasa Melayu yang telah dihasilkan oleh para sarjana Islam dan memberi gambaran umum berkaitan sumber tersebut, sama ada yang lama atau semasa juga dan diberi anotasi oleh pengkaji berpandukan topik perbahasan masing-masing. Secara keseluruhannya, kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dengan cara mengumpulkan semua bahan penulisan berbahasa Melayu yang membincangkan apa jua isu yang mempunyai kaitan dengan kajian sejarah dan tamadun Islam di Andalus. Hasil dapatan

kajian ini menunjukkan bahawa koleksi sumber berbahasa Melayu ini boleh didapati dalam bentuk buku, jurnal, majalah, kertas kerja dan makalah yang membicarakan aspek-aspek sejarah dan tamadun Islam di Andalus, khususnya dalam bidang ekonomi, politik, sosial, kesusasteraan, pentadbiran, keagamaan dan ketokohan.

Karya terbitan Perpustakaan Negara Malaysia berjudul, *Bibliografi Warisan Budaya Melayu* (Anon 2003) mengumpulkan maklumat berkaitan warisan kebudayaan masyarakat Melayu dari pelbagai aspek kehidupan merangkumi adat resam, kesenian, pakaian dan perhiasan, peralatan tradisional, permainan tradisional, perubatan tradisional, seni bina, seni halus dan senjata tradisional. Entri bibliografi ini meliputi bahan bercetak sahaja dan bahan tidak bercetak dari koleksi Perpustakaan Negara Malaysia sahaja. Bibliografi ini menyenaraikan sebanyak 1,125 entri maklumat bibliografik yang dibahagikan mengikut sembilan tajuk daripada sumber-sumber seperti monograf, artikel majalah, kertas kerja seminar atau persidangan dan bahan sumber media yang diterbitkan di dalam dan di luar negara. Karya ini hanya mengumpulkan sumber-sumber warisan Melayu yang tradisional sahaja, manakala warisan Melayu moden tidak diambil dan disertakan dalam karya ini.

Karya Harleeza Abu Husin berjudul, *Bibliografi Sasterawan Negara* yang diterbitkan pada tahun 2004. Buku ini menghimpunkan maklumat berkaitan sasterawan negara dari pelbagai sumber seperti monograf, surat khabar, majalah jurnal, surat khabar dalam talian dan jurnal dalam pangkalan data. Antara sasterawan negara yang terdapat dalam karya ini ialah seperti Shahnnon Ahmad (Prof. Emeritus Dato' Dr. Shahnnon Ahmad), Usman Awang (Datuk Dr. Usman Awang), A. Samad Sain (Datuk Dr. A. Samad Said), Arena Wati (Dr. Muhammad Dahlan bin Abdul Biang), Muhammad Haji Salleh (Prof. Emeritus Dr. Muhammad Haji Salleh), Datuk Nordin Hassan, Abdullah Hussain (Datuk Abdullah Hussain), Othman Kelantan (Syed Othman Syed Kelantan), Dato' Dr. Anwar Ridhwan, Kemala (Datuk Dr. Ahmad Kamal Abdullah), Baha Zain Datuk Hj. Baharuddin Zainal dan Datuk Dr. Zurinah Hassan. Buku ini tidak pula menyentuh sasterawan yang lain dan hanya menyentuh sasterawan yang terkenal di Nusantara sahaja.

Kajian yang dihasilkan oleh Ahmad Firdaus Ashraf Mohd pada tahun 2006 bertajuk, 'Kajian bibliografi dan anotasi pilihan buku falsafah berbahasa Arab'. Kajian ini membicarakan aspek bibliografi dan anotasi serta analisis dapatan bagi buku-buku falsafah pilihan dalam bahasa Arab. Pengkaji mendapati sebahagian para pelajar kurang berminat untuk merujuk mana-mana buku falsafah dalam bahasa Arab berbanding buku-buku dalam bahasa Inggeris dan Melayu kerana mereka memberi alasan kesuntukan masa bagi memperoleh buku pilihan secara tepat. Kajian ini dihasilkan bertujuan untuk memudahkan para pelajar bagi mendapatkan buku pilihan yang dikehendaki dengan segera serta mengatasi masalah kesukaran yang dihadapi oleh para pelajar. Pengkaji mengumpulkan sebanyak mungkin buku-buku falsafah dalam bahasa Arab dan bibliografi bagi buku-buku berkenaan supaya isi-isi penting yang terkandung dalam buku-buku tersebut dapat dikaji serta difahami. Setiap maklumat data boleh diketahui melalui analisis berpandukan jadual dan graf yang disediakan. Pengkaji menggunakan kaedah kepustakaan dalam kajian ini dengan kajian bibliografi dibuat mengikut maklumat tentang nama pengarang, tahun buku diterbitkan, tajuk buku, tempat buku itu diterbitkan, nama penerbit dan bilangan halaman bagi setiap buku. Pengkaji seterusnya menghuraikan isi dan kandungan setiap buku secara umum. Anotasi pula dibuat dengan cara menterjemahkan beberapa buah buku falsafah berbahasa Arab yang dipilih untuk memahami keseluruhan isi kandungan buku tersebut. Penjelasan setiap analisis dijelaskan melalui lakaran rajah. Hasil

kajian mendapati terdapat banyak buku falsafah pilihan berbahasa Arab dan buku falsafah Islam adalah buku yang mudah diperoleh dalam setiap perbahasan bidang falsafah. Namun, hampir keseluruhan buku yang didapati sudah agak lama dan perlu diperbaharui dan diterbitkan semula bagi memelihara kualiti penerbitan karya asli tersebut.

Kajian yang dihasilkan oleh Rafidah Daaim pada tahun 2006 bertajuk, ‘Sumber-sumber berbahasa Melayu dalam pengkajian sejarah dan tamadun Islam era ‘Uthmaniyyah: Satu kajian bibliografi dan anotasi’. Latihan Ilmiah ini membicarakan sumber-sumber berbahasa Melayu dalam pengkajian sejarah dan tamadun Islam era ‘Uthmani yang memberi fokus kepada kajian pengumpulan anotasi. Kajian ini dihasilkan bertujuan untuk menghimpunkan semua maklumat berbahasa Melayu berkaitan Kerajaan ‘Uthmaniyyah. Kaajian ini bertujuan untuk membantu para pelajar, khususnya pelajar yang mengambil kursus sejarah dan tamadun Islam bagi mencari bahan rujukan berkaitan Kerajaan ‘Uthmaniyyah. Ulasan dan gambaran secara umum mengikut perbincangan masing-masing juga turut diulas dalam kajian ini. Secara keseluruhannya, metode kajian yang digunakan ialah kajian kepustakaan dengan menghimpunkan semua sumber penulisan dalam bahasa Melayu yang membincangkan isu-isu sejarah dan perkembangan tamadun Islam pada zaman Kerajaan ‘Uthmaniyyah. Perbincangan kajian ini merangkumi aspek sejarah khususnya dalam bidang politik, pentadbiran, ekonomi, sosial, kesusasteraan, ketenteraan, keagamaan, ketokohan dan juga seni bina. Maklumat kajian ini diperoleh daripada pengumpulan yang dilakukan di Perpustakaan Tun Seri Lanang (PTSL, UKM), Perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu (PATMA, UKM), Perpustakaan Akademi Islam Universiti Malaya (PAIUM), koleksi sumber Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam (JPATI, FPI) dan beberapa koleksi dalam simpanan peribadi para pensyarah dan penyelidik. Setiap sumber tersebut disusun dalam kategori penerbitan seperti buku, bab dalam buku, jurnal, tesis, latihan ilmiah, kertas kerja dan artikel ilmiah.

Kajian yang dihasilkan oleh Mohd Taufek Abd Rahman pada tahun 2007 bertajuk, ‘Sumber-sumber akidah Islam di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM): Kajian bibliografi dan anotasi’. Projek Ilmiah ini membicarakan mengenai semua sumber akidah Islam yang diterbitkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang dijalankan menerusi kajian bibliografi dan anotasi. Tujuan kajian ini adalah untuk meneliti semua sumber rujukan akidah yang terdapat di JAKIM dan mengkaji kandungan setiap sumber rujukan akidah tersebut, di samping menganalisis kesempurnaan atau keterhadan koleksi buku sedia ada dalam koleksi akidah di JAKIM. Kajian ini berbentuk kajian kepustakaan dengan memfokuskan kepada semua bahan ilmiah seperti buku dan kertas kerja yang dihasilkan oleh JAKIM dan berkaitan dengan persoalan akidah Islam secara khusus. Selepas semua bahan dikaji, kajian selanjutnya beralih kepada data sekunder, yang tidak menyentuh mengenai aspek akidah secara keseluruhan, tetapi perbincangan berkaitan aspek akidah turut dimuatkan.

Kajian yang dihasilkan oleh Mohd Rashid Rosmanan pada tahun 2007 bertajuk, ‘Sumber-sumber dalam pengkajian ilmu akidah berbahasa Melayu di Perpustakaan Tun Seri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia: Satu kajian bibliografi dan anotasi’. Latihan Ilmiah ini membicarakan semua sumber berbahasa Melayu dalam pengkajian ilmu akidah yang terdapat di Perpustakaan Tun Seri Lanang (PTSL) Universiti Kebangsaan Malaysia, terutama yang terdapat di Bahagian Koleksi Arab dan Tamadun Islam. Kajian ini bermatlamat untuk menghimpunkan semua sumber berbahasa Melayu yang dihasilkan oleh para sarjana Islam dan memberi gambaran umum mengenai semua sumber tersebut yang berbentuk karya asli, karya terjemahan dan kitab jawi lama. Di samping itu, matlamat kajian ini juga bertujuan untuk



mengenali pasti kedudukan dan nombor panggilan buku-buku akidah di PTSL, UKM, seterusnya sumber tersebut dipilih dan diuraikan mengikut topik perbincangannya. Kajian ini secara keseluruhannya menggunakan kaedah kepustakaan dengan mengumpulkan setiap bahan penulisan dalam bahasa Melayu yang berkaitan dengan isu dalam pengkajian akidah.

Kajian yang dihasilkan oleh Farid Zulkiflee pada tahun 2012 bertajuk, 'Sejarah dan tamadun Islam era 'Uthmani: Satu kajian bibliografi dan anotasi di Universiti Kebangsaan Malaysia'. Perbincangan ini memaparkan satu dokumentasi berkaitan pengkajian sejarah dan tamadun Islam (STI) pada era 'Uthmani. Sumber-sumber yang difokuskan ialah dalam bentuk Latihan Ilmiah atau Projek Ilmiah di peringkat sarjanamuda, serta disertasi atau tesis di peringkat sarjana dan juga doktor falsafah. Sumber-sumber yang didapati dalam kajian ini turut melalui proses pengantoran. Kajian ini bertujuan untuk meneliti kandungan pengajaran dan pembelajaran (P&P) serta kursus-kursus yang ditawarkan berkaitan STI era 'Uthmani di UKM, di samping melakukan pendokumentasian dan menganotasi setiap sumber bibliografi yang mempunyai kaitan dengan STI era 'Uthmani serta menganalisis jumlah bilangan dan peratusan bagi tema yang dihasilkan. Pendekatan kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah berbentuk kualitatif melalui kajian arkib dan analisis kandungan. Bahan-bahan yang dikumpul diperolehi dari Koleksi Tesis Pejabat Am JPATI, Perpustakaan Tun Seri Lanang (PTSL), Bilik Sumber Fakulti Pengajian Islam (BSFPI) serta koleksi peribada pensyarah yang menyelia bidang ini secara khusus. Di samping itu, pengkajian turut mendapatkan sumber dari fakulti lain, iaitu di Program Pengajian Sejarah, Politik dan Strategik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), UKM. Dapatan kajian ini mendapati sebanyak 57 buah penulisan berkenaan pengkajian era 'Uthmani yang Berjaya dihasilkan bermula dari tahun 1978 sehingga 2011. Himpunan 57 buah penulisan itu terdapat dalam pelbagai bentuk, iaitu Projek Ilmiah dan Latihan Ilmiah, disertasi sarjana dan tesis doktor. Perbincangan dalam kajian ini merangkumi aspek sejarah dan tamadun 'Uthmaniyyah yang berkaitan dengan isu politik, kesusasteraan, ekonomi, sosial, keagamaan, seni bina dan ketokohan.

Makalah yang dihasilkan Shamsiah Mohamad, Asyraf Isyraqi Jamil, Mohd Anuar Mamat, Muhammad Lukman Ibrahim, Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, Abdul Muizz Abd Talib dan Hamza Abed al-Karim Hammad pada tahun 2012 yang berjudul, 'Bibliografi pendidikan Islam di Malaysia: Dapatan awal' yang diterbitkan dalam buku suntingan bertajuk, *Islam dan Alam Melayu*. Makalah ini menyatakan terdapat pelbagai kajian dan penerbitan tentang pendidikan Islam di Malaysia yang pernah dihasilkan. Namun, himpunan, penyusunan, pemerihalan dan analisis terhadap segala kajian dan penerbitan dalam bidang pendidikan Islam di Malaysia belum dilaksanakan secara khusus. Penulisan ini berbentuk penyelidikan bibliografi bagi memberikan gambaran yang jelas tentang kajian dan penerbitan berkaitan pendidikan Islam di Malaysia dengan tujuan untuk mengemukakan dapatan awal tentang penyelidikan bibliografi hasil daripada pengumpulan dan penganalisan data yang yang dijalankan. Data dikumpul menerusi metode dokumentasi dan dianalisis menerusi metode analisis, deskriptif dan jadual silang. Data dianalisis berasaskan beberapa aspek, iaitu kategori kajian berdasarkan tahap pengajian, tahun, jantina dan bahasa, tema yang disentuh, metodologi penyelidikan yang digunakan, dan institusi yang terlibat dalam kajian dalam bidang sejarah pendidikan Islam di Malaysia. Keterhadan yang terdapat dalam makalah ini ialah penulisan hanya disimpulkan secara umum sahaja dan tidak pula secara khusus.

Karya Harleeza Abu Husin pada tahun 2017 berjudul, 'Bibliografi Sukan SEA'. Penganjuran Sukan SEA pada tahun 2017 menyaksikan Malaysia sekali lagi terpilih untuk menjadi tuan

rumah Sukan SEA ke-29 dan Sukan Para ASEAN ke-9 yang dinamakan sebagai Kuala Lumpur 2017. Temasya Sukan SEA ini berlangsung dari 19 hingga 30 Ogos 2017, sementara Sukan Para ASEAN pula diadakan dari 17 hingga 23 September 2017. Tema yang dipilih untuk temasya Kuala Lumpur 2017 ialah 'Bangkit Bersama'. Tema ini adalah seiring dengan cabaran yang perlu ditempuhi oleh negara-negara Asia Tenggara sebagai satu komuniti pada masa kini dan akan datang. Reka bentuk logo temasya adalah berdasarkan simbol wau bulan, layang-layang yang terkenal dimainkan oleh penduduk pantai timur Malaysia. Kombinasi warna yang digabungkan pada logo berkenaan pula mewakili warna panji-panji semua negara Asia Tenggara, sekali gus melahirkan identiti Kuala Lumpur 2017. Maskot 'Rimau' pula dipilih berdasarkan kekuatan spesies harimau tempatan, iaitu Harimau Malaya. Buku ini menghimpunkan sumber-sumber maklumat berkaitan peristiwa penting dan pencapaian negara Malaysia sepanjang penglibatan dalam temasya Sukan SEA. Bibliografi ini membantu masyarakat, khususnya pembaca dan penyelidik untuk mengakses pelbagai sumber bahan dan maklumat berkaitan Sukan SEA yang terdapat di Perpustakaan Negara Malaysia khususnya. Maklumat dalam bibliografi ini diperoleh daripada pangkalan data Perpustakaan Negara Malaysia, meliputi bahan rujukan seperti buku, artikel majalah dan jurnal, kertas kerja seminar atau persidangan, artikel pangkalan data, sumber media dan surat khabar. Setiap entri disusun mengikut abjad A-Z di bawah nama pengarang atau judul sekiranya karya tanpa pengarang. Nombor panggilan dan sumber pautan laman web diberikan bagi memudah dan mempercepatkan pengesanan bahan oleh pembaca perpustakaan.

Kajian yang dihasilkan oleh Ahmad Fatthi Ahmad Saupi pada tahun 2018 berjudul, 'Sumber primer dan sekunder Kerajaan Ziriyah (1012-1090M) di Granada: Satu kajian bibliometrik dan anotasi'. Latihan Ilmiah ini membincangkan pendokumentasian pengkajian sejarah dan tamadun Islam di Andalus. Pencerakinan yang dihasilkan ini bertujuan untuk membincangkan kajian tentang Kerajaan Ziriyah di Granada berdasarkan sumber-sumber primer dan sekunder. Bagi menjalankan kajian ini, tumpuan terhadap pernyataan masalah kajian, objektif kajian dan metodologi disusun berdasarkan perancangan dan keperluan serta kehendak kajian. Metodologi yang diguna pakai untuk menghasilkan kajian ini ialah menerusi kaedah pendokumentasian dan anotasi, dengan mengadaptasi kajian kepustakaan dan analisis kandungan. Kajian-kajian lepas yang terdiri daripada pelbagai kategori sumber diperoleh secara atas talian mahupun sumber yang terdapat di Perpustakaan Tun Seri Lanang (PTSL, UKM), Perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu (PATMA, UKM) dan Perpustakaan Dar al-Hikmah, UIAM. Maklumat yang dikumpul terdiri daripada pelbagai kategori sumber seperti buku, ensiklopedia, jurnal, disertasi dan tesis. Hasil pengumpulan maklumat yang dihimpun, dianalisis menerusi proses penganotasian dalam bab-bab yang lepas berkaitan dengan tajuk mendapati terdapat maklumat tambahan yang baru dan boleh dikategorikan sebagai sumber rujukan. Pengumpulan maklumat ini bertujuan untuk mendokumentasikan semua bahan yang wujud di laman web terpilih yang bahannya terdiri daripada buku, ensiklopedia, jurnal, disertasi dan tesis. Kata kunci yang diberi tumpuan ialah: *Muluk al-Tawa'if*, *Zirid Dynasty*, 'Abd Allah ibn Bulughin, Badis ibn Habus, Zawi ibn Ziri dan Habus ibn Maksan. Kajian ini mendapati sebanyak 53 penulisan berjaya dihasilkan bermula dari tahun 1880 sehingga 2017 dengan topik perbahasan yang memberi tumpuan kepada Kerajaan Ziriyah dengan pelbagai aspek kupasan.

### ***Kajian Sumber Primer dan Sekunder***

Buku yang dihasilkan oleh Suraiya Farooqi bertajuk, *Approaching Ottoman History: An Introduction to the Sources* pada tahun 1999. Kajian ini menjelaskan aspek perkongsian sumber

rujukan utama dalam historiografi 'Uthmaniyyah. Karya ini memerihalkan perbincangan berkaitan sumber arkib dan naratif tersedia untuk para pengkaji sejarah 'Uthmaniyyah, di samping meneliti aspek historiografi yang dilaksanakan berdasarkan bahan ini. Kajian terhadap sumber-sumber utama 'Uthmaniyyah ialah tumpuan utama penulisan bahan ini. Sumber utama 'Uthmaniyyah ini menjadi fokus perbincangan para pengkaji dan sejarawan untuk memahami secara lebih mendalam yang menepati kaedah historiografi. Penelitian terhadap sumber sekunder 'Uthmaniyyah juga amat signifikan dan perlu dikuasai oleh para pencinta sejarah dan tamadun Islam khususnya. Oleh itu, penjejakan sumber sekunder yang kuat berupaya membimbing para pengkaji dan sejarawan untuk menelaah sumber primer 'Uthmaniyyah secara dekat dan autentik. Selain itu, Suraiya Farooqi menyatakan sumber-sumber utama diambil dari manuskrip lama, koleksi buku 'Uthmaniyyah di Arkib Pejabat Perdana Menteri di Istanbul, arkib Istana Topkapi dan juga arkib individu persendirian.

Buku yang dihasilkan oleh John Wansbrough bertajuk, *Quranic Studies: Sources and Methods of Scriptural Interpretation* pada tahun 2004. Buku ini menjelaskan perihal sumber kajian sejarah dan budaya di Timur Tengah yang berkaitan dengan agama Islam. Buku ini menjadi signifikan kepada dunia Eropah dalam mengembangkan idea perkembangan Islam secara giat ke seluruh dunia. Karya ini cuba mengeluarkan pandangan baru dan mendapat perhatian Eropah berkenaan kemunculan Islam yang bukan sahaja perlu difahami, malah wajar dipelajari. Wansbrough turut menggunakan pengetahuannya yang mendalam tentang teori sastera serta sejarah klasik dan moden dalam penulisannya.

Artikel yang dihasilkan oleh Wan Kamal Mujani (2010) bertajuk, 'Sejarah politik Mamluk (648-922H/1250-1517M): Suatu pengamatan berdasarkan sumber primer dan sekunder'. Artikel ini mengutarakan perbincangan berkenaan sumber primer dan sekunder bagi kerajaan Mamluk yang memerintah pada tahun 1250M hingga 1517M. Selain itu, beberapa isu yang kurang diketahui umum juga dibahaskan seperti asal-usul dan kemunculan golongan Mamluk di Mesir serta ketidaktepatan penggunaan terminologi Mamluk Bahri dan Mamluk Burji yang diguna pakai pada masa kini. Seterusnya, artikel ini juga menumpukan perbincangan pada sejarah politik Mamluk yang bermula dari penubuhannya pada tahun 648H/1250M hingga kejatuhannya pada tahun 922H/1517M berdasarkan sumber primer dan sekunder. Kajian ini selanjutnya memaparkan keutuhan politik beberapa orang pemerintah dalam Kerajaan Mamluk untuk mengekalkan pemerintahan mereka berdasarkan kupasan sumber primer dan sekunder.

Buku yang dihasilkan oleh Tatiana A. Denisova pada tahun 2011 berjudul, *Sumber Historiografi di Alam Melayu Koleksi Peribadi John Bastin*. Buku ini mengandungi hasil kajian pengkaji mengenai sosiologi Melayu berdasarkan koleksi peribadi Dr. John Bastin. Koleksi John Bastin ialah satu kumpulan buku tentang sejarah dan kebudayaan orang Melayu, yang mengandungi lebih daripada 3,000 judul buku mengenai sejarah, arkeologi, ekonomi, kebudayaan, kajian alam dan lain-lain. Dari semua koleksi tersebut, hanya terdapat 13 buah buku sahaja yang berkaitan dengan Islam. Antara topik yang disentuh ialah seperti sejarah Islam terawal di Alam Melayu, sejarah dakwah Islam, haji dan ibadat dalam Islam dan gerakan Islam pada kurun ke-20M dan masa kini. Analisis koleksi John Bastin sebagai satu kesatuan sumber historiografi adalah sangat penting dalam kajian tradisi ilmu dan historiografi di Alam Melayu. Ini bertujuan untuk menjelas dan menafikan prasangka serta mengurangkan salah faham mengenai pelbagai unsur tamadun Melayu dan khazanah persuratan Melayu, memajukan dialog antarabangsa dan mencari bahasa umum antara umat Islam dan Barat. Buku ini hanya memfokuskan pada perbincangan mengenai Islam di Malaysia dan Indonesia.

Penulisan Mardiana Nordin bertajuk, 'Sejarah dan sumber: Episod perang Melayu' yang dimuatkan dalam buku, *Tema Baru Penulisan Sejarah* dan diterbitkan pada tahun 2012. Penulisan ini menonjolkan pandangan pengkaji bahawa kajian sejarah masih lagi tertumpu pada perkembangan politik sesebuah kerajaan, negeri, negara, rantau mahupun benua tertentu. Biar pun dalam era dewasa ini, penulisan sejarah ekonomi dan sosial semakin meluas dalam kalangan para sarjana, namun aspek politik masih tidak terpinggir dalam arena pengkajian sejarah. Malahan, ilmu kajian dan cabang bidang ini terus hidup dan kian bercambah. Rangkuman ini mengedepankan satu aspek dalam politik, iaitu perang yang sebenarnya juga merupakan satu bidang kajian penting dalam memahami perkembangan politik (juga sosial dan ekonomi secara tidak langsung), namun masih kurang pendedahan dan keterbatasan kajian oleh orang Melayu. Usaha memanfaatkan naskah-naskah Melayu sebagai sumber dalam memahami perang yang melibatkan orang Melayu, sebenarnya masih lagi terhad.

Artikel Yanıkdağ (2015: 107) bertajuk, 'The battle of Gallipoli: The politics of remembering and forgetting in Turkey' pula menunjukkan terdapat beberapa keraguan dalam pengambilan sumber rujukan bagi sejarah Perang Çanakkale 1915. Ini kerana ramai penulis popular yang sebahagiannya juga sebagai penulis profesional telah mengambil fakta tanpa mempersoalkan kesahihan sesuatu sumber. Fakta-fakta tersebut diambil tanpa melihat kepada sumber-sumber primer (arkib) dan ini menyebabkan mereka mengulangi kesalahan fakta tersebut dalam penulisan kemudian. Tambahan pula, jumlah kematian tentera kedua-dua belah pihak yang terlibat dalam peperangan tersebut, masih boleh dipersoalkan bahkan diragui oleh segelintir pengkaji. Sesetengah pihak berpandangan bahawa jumlah kematian ialah seramai 250,000 tentera, manakala sebahagian yang lain pula berpandangan seramai 57,000 tentera. Lantaran daripada itu, Yanıkdağ melontarkan persoalan bilangan sebenar jumlah kematian dalam Perang Çanakkale 1915.

### **Analisis Naratif Sumber Primer Terpilih Perang Çanakkale 1915**

Terdapat sumber-sumber primer berkenaan Perang Gallipoli 1915 yang telah dicetak semula terutama catatan perang dari tentera British, Perancis, New Zealand dan Australia. Ia diterbitkan semula oleh penerbit supaya catatan tersebut mudah dibaca tanpa menambah apa-apa maklumat yang baharu. Seterusnya terdapat catatan perang yang masih asli antaranya seperti catatan Refik Bey yang juga merupakan seorang anggota tentera 'Uthmaniyyah. Boleh dikatakan semua catatan perang ini disimpan rapi di muzium-muzium negara dan nilainya sangat mahal disebabkan peristiwa yang berkait itu bukan sejarah yang biasa, tapi ia sangat signifikan buat dunia Islam khususnya negara Turki moden serta dunia Barat amnya.

Sumber primer merupakan sekumpulan rujukan yang mempunyai keadaan yang masih tulen dan asli serta ia masih belum ditafsir dan diperlengkapkan. Tambahan pula ia mesti datang dari bukan hasil kajian seseorang, masih mentah dan belum dikupas oleh mana-mana sarjana atau penulis. Kebanyakan ahli sejarawan akan cenderung untuk menggunakan sumber primer kerana ia adalah asli serta mempunyai hak dan bebas untuk membuat pelbagai tafsiran yang munasabah (Mardiana 2015: 6). Sementara itu, Nurul Huda (2003: 58) pula menambah bahawa sumber primer ialah sekumpulan sumber yang masih asli dan belum ditafsir serta terdapat di institusi-institusi tertentu, antaranya ialah seperti dokumen, surat rasmi atau tidak, catatan, laporan buku harian, warkah, watakah dan titah perintah dan kadangkala akhbar serta majalah dan peringatan juga boleh dianggap sebagai sumber utama. Sumber-sumber primer yang dapat disenaraikan ialah seperti: (1) artifak (duit syiling lama, fosil, perabot lama dan apa-apa

peralatan lama yang terdapat pada masa peristiwa sejarah tersebut); (2) audio (suara hasil rakaman pada masa tersebut); (3) diari, jurnal, nota, catatan, autobiografi dan memoir; (4) temu bual atau wawancara (sejarah lisan); (5) kertas kerja yang mempunyai analisis yang asli; (6) surat atau poskad; (7) surat khabar atau majalah; (8) dokumen asal; (9) foto (lukisan atau kamera); (10) maklumat kerajaan; dan (11) hasil seni (filem, muzik, lukisan, bangunan, novel dan cerpen).

Penulisan ini hanya menyentuh mengenai kategori catatan perang sahaja memandangkan terdapat pelbagai sumber primer berkenaan perang Gallipoli, iaitu rekod suara radio semasa berlakunya perang, kertas laporan berkaitan perang dan juga maklumat-maklumat kerajaan. Oleh yang demikian, kajian ini mengimplimentasikan kajian bibliografi dan menganotasi 10 sumber catatan perang yang terpilih sahaja. Antara muka hadapan catatan tersebut turut disertakan dan boleh dilihat pada Lampiran dalam penulisan ini.

***Sumber: Gallipoli oleh Wheeler, E.B. (1915)***

Eric Bush Wheeler (seterusnya Wheeler) dilahirkan pada 12 Ogos 1899. Beliau memulakan karier sebagai tentera dengan menyertai angkatan tentera laut pada 2 Ogos 1914 dan berkhidmat untuk negaranya selama 34 tahun. Beliau bersara pada 10 Julai 1948 dan mengakhiri perkhidmatannya dengan berpangkat kapten, di samping memperoleh beberapa pingat atas perkhidmatan cemerlang yang disumbangkan. Catatan mengenai Perang Gallipoli 1915 dibukukan dengan diberi judul *Gallipoli* dan diterbitkan pada 1975 di London. Karya ini juga memuatkan 26 bab serta mempunyai 327 halaman bercetak beserta beberapa gambar.

Bab satu karya ini memuatkan catatan yang dimulakan di Port Said pada 9 Februari 1915, dengan tugas Wheeler dalam menguatkan benteng pertahanan tentera Bersekutu di sepanjang Terusan Suez, Palestin dan sekitarnya. Beliau bersama armada duduk di bawah pimpinan Kapten Boyle. Selepas didapati kawasan ini tenteram dari sebarang ancaman, armada beliau diperintahkan untuk bergerak ke wilayah 'Uthmaniyyah lain bagi membantu serangan di sana yang diasak teruk oleh angkatan tentera 'Uthmaniyyah.

Menerusi bab dua pula, Wheeler membicarakan dengan serius berkenaan penyertaan 'Uthmaniyyah menyebelahi Jerman dalam Perang Dunia Pertama. Dengan penyertaan tersebut, pihak Tentera Bersekutu mengambil inisiatif dengan bermesyuarat bagi melumpuhkan kuasa 'Uthmaniyyah dari berjaya membantu Jerman yang sedang diasak teruk. Winston Churchill mengarahkan supaya Selat Dardanelles dikuasai oleh mereka, dengan itu mereka berjaya menekan pihak 'Uthmaniyyah daripada memberi perlindungan kepada Palestin dan Mesir yang selama ini berada di bawah naungan mereka. Kebolehan tentera 'Uthmaniyyah dipandang serius apabila mereka mampu menyekat angkatan tentera Rusia di Timur dari memasuki kawasan Kaukasus. Oleh itu, dengan penguasaan ke atas Selat Dardanelles, pihak Rusia dapat dibantu dan jalan untuk menawan Istanbul juga menjadi semakin mudah.

Bab tiga hingga enam pula memerihalkan semboyan peperangan ditiup dengan kemaraan armada laut Tentera Bersekutu mengebom sekitar kawasan Gallipoli setelah mendapat maklumat mengenai keberadaan angkatan tentera 'Uthmaniyyah yang sedang bersiap sedia bagi menghadapi kemaraan tentera Bersekutu. Sebelum kedatangan Tentera Bersekutu, angkatan tentera 'Uthmaniyyah telah memulakan langkah awal dengan memasang periuk api dan perangkap di laluan Selat Dardanelles. Usaha tentera 'Uthmaniyyah ini membuahkan hasil

apabila armada Tentera Bersekutu tidak dapat mara ke bahagian dalam apabila banyak kapal perang mereka berjaya ditenggelamkan.

Bab tujuh dan seterusnya menghuraikan isi terpenting sepanjang serangan yang bermula pada awal 1915 ke atas angkatan tentera 'Uthmaniyyah apabila pihak tentera British yang dibantu oleh tentera sukarela dari New Zealand dan Australia (ANZAC) sedaya upaya cuba mengasak bagi menguasai kawasan terpenting, antaranya ialah Sari Bay dan Sari Bay. Mereka berjaya mendarat di beberapa kawasan tetapi kawasan tanah tinggi telah dipenuhi dengan angkatan tentera 'Uthmaniyyah sekali gus kemaraan mereka terbantut. Tentera Bersekutu mempunyai ramai bilangan tentera serta peralatan perang mereka cukup berbanding dengan angkatan tentera 'Uthmaniyyah yang tidak mempunyai keperluan perang yang mencukupi, hanya sekadar bayonet sahaja sebagai senjata terakhir mereka apabila kehabisan perluru. Mustafa Kamal memainkan peranan yang amat penting bagi menaikkan semangat tentera beliau. Semangat jihad juga merupakan antara faktor yang signifikan dalam melawan tentera kafir. Perbandingan antara tentera juga jauh lebih hebat Tentera Bersekutu yang mempunyai banyak pengalaman serta latihan, berbanding angkatan tentera 'Uthmaniyyah yang turut dianggotai kalangan sukarela daripada golongan remaja yang hanya diberikan pendedahan ketenteraan ringkas lalu direkrut bagi mempertahankan kedaulatan watan dan *khilafah* mereka.

Manakala bab 24 hingga 27 menceritakan babak terakhir pengepungan Semenanjung Gallipoli oleh Tentera Bersekutu serta kekalahan demi kekalahan yang dialami Tentera Bersekutu dalam pertempuran yang menjunamkan semangat dan moral tentera mereka yang lain. Panglima-panglima atasan pihak Tentera Bersekutu tersentak dengan kekalahan askar bawahan mereka, lalu mereka dipanggil supaya berundur secara berperingkat apabila angkatan tentera 'Uthmaniyyah semakin mara mendekati kem tentera mereka. Kekalahan ini merupakan kesan sangat besar bagi kuasa British kerana pada awal serangan, mereka begitu yakin dapat menamatkan Perang Dunia Pertama dengan secepat mungkin. Akan tetapi dengan kemaraan angkatan tentera 'Uthmaniyyah di Semenanjung Gallipoli, mereka terpaksa mengubah arah dengan mengasak Jerman supaya menyerah kalah. Ramai pesakit dibawa keluar dan anggota tentera yang mati di medan perang ditinggalkan begitu sahaja dengan harapan angkatan tentera 'Uthmaniyyah akan menguruskannya.

Catatan karya ini mudah difahami kerana turut diiringi dengan beberapa keping gambar, di samping dikepilkan bersama lakaran serangan selain bahasa yang mudah difahami sesuai kepada khalayak pembaca awam.

***Sumber: The Dardanelles Colour Sketches from Gallipoli oleh Wilkinson, N. (1915)***

Norman Wilkinson (seterusnya Wilkinson) merupakan seorang artis kelahiran British yang gemar melukis seperti dengan menggunakan minyak dan warna air. Beliau merupakan pelukis yang ditugaskan untuk melakar suasana perang yang berlaku ditempat yang ditugaskan. Wilkinson merupakan seorang yang hebat dalam melukis dan ini dapat diteliti ketika beliau berusia 21 tahun, beliau dimasukkan ke sekolah elit untuk mencungkil bakatnya. Tatkala tercetus Perang Dunia Pertama, beliau ditempatkan dalam Royal Naval Volunteer Reserve, yang ditugaskan untuk memerhati radar dan mengesan kapal selam musuh. Karya beliau mempunyai 118 halaman dan diisi dengan 36 lukisan yang beliau hasilkan sendiri ketika perang tercetus. Catatan perang Wilkinson ini agak berbeza dengan yang lain kerana kebiasaan catatan perang dipenuhi dengan tulisan, akan tetapi beliau berjaya memuatkan banyak gambar yang

beliau lukis dengan tujuan agar khalayak pembaca dapat mengamati suasana tersebut atau masa yang sama beliau dapat mengisi masa terluang ketika berada di atas kapal.

**Sumber: Gallipoli oleh Masefield, J. (1916)**

John Masefield (seterusnya Masefield) ialah seorang daripada kakitangan hospital British yang dihantar oleh kerajaan untuk berkhidmat kepada tentera Perancis, yang merupakan satu daripada negara sekutu mereka selain Rusia. Beliau berjaya memperoleh pelbagai gambaran berkenaan perang tersebut kerana beliau secara peribadi ialah antara yang terlibat secara langsung semasa Perang Dunia Pertama meletus. Peranan beliau ketika itu ialah sebagai pengurus fail-fail pesakit yang dihantar ke hospital yang beliau ditempatkan. Tahun 1915 merupakan tahun terakhir perkhidmatan beliau kerana beliau akan berpencen disebabkan faktor usia. Kemudiannya, beliau berangkat ke Amerika Syarikat selama tiga bulan kerana ditugaskan untuk mengumpul maklumat daripada anggota tentera yang dihantar pulang dan mendapatkan pandangan orang awam mengenai perang yang tercetus di Eropah. Beliau pulang ke England bertujuan untuk menyerahkan maklumat kajian kepada Pejabat Kementerian Luar British berkenaan kegagalan tentera mereka dalam kempen peperangan di Gallipoli dengan pihak 'Uthmaniyyah.

Buku ini berjaya diterbitkan pada lewat 1916 di London yang memuatkan gambaran sebenar berkenaan perang Gallipoli 1915 menerusi ketebalan 215 halaman. Karya ini juga yang menjadikan tentera ANZAC (Australian New Zealand Army Corpse) sebagai perajurit antarabangsa yang terkenal. Dengan susunan ayat yang disertasi beberapa ilustrasi dalam karya ini, seolah-olah khalayak pembaca seperti berada di medan peperangan tersebut.

Buku ini mempunyai enam bab yang menggambarkan detik-detik Perang Gallipoli. Bab satu merupakan pendahuluan yang dicatatkan Masefield mengenai perang ini. Beliau menceritakan pengalaman beliau sendiri dalam mencari dan mendapatkan pelbagai bentuk sumber yang berautoriti mengenai perang ini, antaranya ialah seperti menemu bual bekas tentera, mendapatkan gambar-gambar suasana ketika di sana, rekod-rekod pegawai tentera dan lain-lain yang seangkatan dengannya. Sejarah Gallipoli turut dinyatakan demi menambah maklumat umum kepada para pembaca. Setelah itu, bermulalah fasa penceritaan berkenaan pergerakan tentera Bersekutu menuju ke Gallipoli bagi menawan Istanbul dan membantu sekutu mereka, iaitu Rusia yang berada di Timur.

Bab dua, Masefield menceritakan perjalanan dan gambaran mengenai pendaratan tentera Bersekutu di lima kawasan pantai, iaitu pertama di Pantai V, bahagian yang berdekatan dengan istana lama Sedd-el-bahir atau nama sekarang Seddulbahir, kawasan tersebut kurang dijaga oleh tentera 'Uthmaniyyah kerana keadaannya yang bukit bakau serta lokasinya yang jauh. Kedua, Pantai W, berada di selatan Gaba Tekke, iaitu kawasan yang dipenuhi dengan tentera 'Uthmaniyyah serta garisan pertahanan yang sangat tinggi dengan tentera 'Uthmaniyyah menempatkan beberapa mesingan, kawat berduri serta periuk api. Kawasan ini diistilahkan sebagai *death trap* oleh Tentera Bersekutu yang mendarat di situ dan ia sangat memberi tekanan kepada kumpulan pendaratan di situ. Ketiga, Pantai X yang terletak di utara Cape Tekk, iaitu kawasan yang mudah untuk mendaratkan Tentera Bersekutu. Keempat, Pantai S merupakan kawasan pendaratan yang tidak terdapat ancaman kerana ia berdekatan dengan Seddulbahir. Kelima pula ialah di Pantai Y di Krithia, anggota tentera perlu mendaki bukit bakau sebaik sahaja melakukan pendaratan.

Bab tiga, Masefield menyatakan bukan sahaja tentera British yang terlibat di Gallipoli, malah dibantu oleh tentera Perancis yang lewat melakukan pendaratan. Selain itu, tentera dari Australia dan New Zealand (ANZAC) juga membantu dalam melaksanakan kempen ini. Tentera Perancis pula turut dilengkapi dengan peralatan dan sumber makanan yang mencukupi bagi menampung keperluan tentera mereka dalam tempoh yang panjang.

Bab empat merakamkan selepas beberapa persiapan dan tenaga tentera sudah dipulih, mereka mula membahagikan tentera mereka kepada beberapa divisyen kecil dengan mereka ditugaskan untuk mara naik ke utara semenanjung Gallipoli. Walau bagaimanapun, terdapat divisyen yang diasak oleh angkatan tentera 'Uthmaniyyah menyebabkan mereka tidak boleh mara ke bahagian dalam di kawasan 'Uthmaniyyah. Memandangkan semangat anggota tentera 'Uthmaniyyah untuk berperang adalah tinggi, situasi ini menyebabkan kemaraan mereka menjadi perlahan, divisyen yang berjaya mara perlu berhenti dan masa yang sama mereka perlu menjaga garisan pertahanan mereka agar tidak ditembusi angkatan tentera 'Uthmaniyyah. Terdapat beberapa divisyen yang perlu bertarung pada waktu malam hingga ke dinihari, kerana diserang hendap secara tiba-tiba oleh tentera 'Uthmaniyyah. Serangan ini begitu bahaya sehingga meragut banyak nyawa. Ini menjadikan komander tentera mereka gusar dan memikirkan keperluan mengarahkan mereka melawan balik atau berundur ke tempat yang selamat.

Bab lima ini memaparkan peranan ANZAC sebagai tentera sukarela yang diingati ramai, di samping mendedahkan semangat serta pengorbanan yang dihadapi oleh mereka. Walaupun mereka ini tidak terlatih seperti mana tentera British dan Perancis, tambahan mereka ini hanyalah daripada kalangan remaja yang turut turun ke medan perang, kemaraan tentera 'Uthmaniyyah dapat dibalas semula dengan keberanian mereka menggunakan taktik *flank*, iaitu menyerang musuh dari arah yang berlainan.

Bab enam pula mengutarakan kegagalan Eropah untuk mara dan memasuki ke dalam wilayah 'Uthmaniyyah, lalu menyebabkan Winston Churchill bercadang untuk menambah tentera tambahan seramai 50,000 unit infantri bagi membantu tentera di sana. Namun disebabkan kelewatan serta penangguhan pergerakan mereka dari England menyebabkan kempen Gallipoli diakhiri dengan kegagalan. Ternyata di sini bilangan tentera yang ramai tidak mampu untuk mengalahkan musuh yang mempunyai semangat mencintai watan.

Kesimpulannya, benar seperti yang dinyatakan dalam karya ini, ia berjaya membawa pembaca kepada keadaan perang yang sebenar. Maklumat dan gambar yang dimuatkan dalam karya ini turut membantu pemahaman khalayak pembaca dengan setiap bab disertakan gambar yang diambil di sana. Meskipun Masefield bukan seorang daripada anggota tentera atau staf yang terlibat secara langsung dalam perang ini, namun hasil sumbangan beliau untuk mencari maklumat berkaitan Perang Gallipoli 1915 merangkul pelbagai anugerah yang diberikan oleh pihak kerajaan kemudiannya.

**Sumber: *Diary of A Turkish Soldier Who Fought at Gallipoli 1916* oleh Refik Bey (1916)**

Catatan perang Refik Bey (seterusnya Refik) diserahkan kepada University of Queensland Library pada tahun 1965 oleh Mr. John Black. Catatan perang ini kelihatan agak unik kerana saiznya sebesar tapak tangan manusia. Refik mencatat peristiwa perang tersebut dalam bahasa Turki dan catatan berkenaan dikategorikan sebagai falsafah rakyat 'Uthmaniyyah yang



menyahut seruan untuk menyertai Perang Dunia Pertama. Tambahan pula, catatan perang tersebut turut memuatkan peta wilayah ‘Uthmaniyyah dan Jerman.

Seterusnya, catatan Refik pada awal ayat sukar untuk diterjemahkan kerana ia dicatat dalam tulisan ‘Uthmaniyyah klasik, dan kadangkala pula dalam tulisan Turki moden. Ia berjaya diterjemahkan pada tahun 1960 oleh Dr. Oguztoreli dari Jabatan Matematik di University of Queensland. Dr. Oguztoreli juga dibantu oleh Embassy of the Republic Turkey di Canberra dan State Archive di Istanbul. Setelah berjaya diterjemahkan, barulah dapat difahami apa yang dicatatkan oleh Refik berkenaan kehidupan tentera ‘Uthmaniyyah dan peranan mereka ketika berlaku perang di wilayah itu.

Berdasarkan catatan itu, Refik dilihat pernah pergi ke Berlin dari Istanbul ketika perang, beliau juga mempelajari bahasa Jerman kerana dalam catatan tersebut mempunyai tulisan Jerman. Kesahan ini diperakui kerana Refik merupakan staf pejabat tentera ‘Uthmaniyyah yang berpangkalan di Jerman dan berkhidmat untuk Jerman. Berkaitan catatan Refik ini, Oguztoreli (t.th.) menjelaskan sebagaimana berikut:

*Refik Bey, whose army rank would have approximated to the Australian army rank of major, was in many areas during the First World War, but particularly in Gallipoli. He was wounded there and was sent to recover from his wounds to a hospital in Kastamonu. He was born in the province of Kastamonu, in a village called Serdar Koyu near the town of Arac. He returned to Gallipoli after his recovery. There is no record of his having been captured, so it is possible that the Diary was found on the field of battle or taken during the fighting when a Turkish stronghold was captured. The date of death of Refik bey is unknown. He may have died of his war injuries. Since there is no record of his having married or had children, and since only his mother and two cousins are recorded as living relatives during the First World War it is assumed that his family has died out. As he was born on 7<sup>th</sup> October 1895, Refik Bey would have been only 20 years old in 1915 when Turkey entered the war. His education and background would have fitted him for a commission in the Army. As is borne out by the diary, he was a religious man, a thinker on philosophical subjects, with a strong love poetry. He was said to have been very much respected among his contemporaries.*

Dr. Oguztoreli berjaya menterjemahkan catatan perang Refik yang turut mengandungi puisi-puisi berkenaan suasana perang yang dialami oleh beliau sendiri, antaranya ialah sebagaimana coretan di bawah:

*We are Turks; we live with our hate; these clubs; bloody weapons in our hands  
We will paint everything with the blood from the torn flesh of the enemy  
We are Turks we live with our honour; our hearts are full of revenge  
We will overcome; with our Caucasian army we will paint everything with our  
blood*

*Glory is coming to the Caucasus  
A remedy to all problems  
Open your arms beloved country  
The brave soldiers that you love are coming*

*There is going to be blood in the Caucasus  
History will record our glory  
In this place it is not Moscow  
It is the Ottomans who will be sovereign  
Sultan Resad will reign here*

Hanya catatan ini sahaja yang terpilih untuk diulas, memandangkan ia berbahasa Turki, lantas kajian anotasi dilaksanakan berdasarkan terjemahan yang dibuat oleh pihak yang lain.

***Sumber: With The Twenty-Ninth Division in Gallipoli oleh Creighton, C.F. (1916)***

Peranan Creighton semasa perang tercetus di wilayah Kerajaan ‘Uthmaniyyah, terutama dalam kempen Gallipoli merupakan seorang daripada *krew* kapal perang British. Pengalaman beliau dalam perang ini ditelusuri melalui catatan beliau. Beliau sempat menerbitkan karya ini melalui catatan pada tahun 1916 di London. Namun demikian, kecelakaan berlaku dua tahun selepas itu, iaitu pada 1918 menyaksikan beliau terbunuh dalam peperangan. Tambahan pula hanya beberapa bulan sahaja lagi, perang itu ditamatkan dengan kekalahan Jerman yang mengaku kalah sekali gus negara-negara lain turut serta dengan pengakuan kekalahan ini. Maklumat kematian Crieghton dimaklumkan oleh ibu beliau ketika para pegawai tentera sedang mengumpulkan maklumat berkenaan tentera mereka selepas dunia kembali aman. Catatan beliau ini diterbitkan pada tahun 1916 di London dan memuatkan sebanyak 260 halaman yang mengisahkan mengenai divisyen ke-29. Di awal bab lagi, Creighton memaklumkan bahawa setiap keping gambar dan ilustrasi dalam karya ini diperoleh dan diambil daripada Lt. Colonel Neweham. Beliau melaksanakan catatan ini bukanlah semata untuk menambah wang poket, akan tetapi turut bertujuan supaya rakan-rakan beliau yang bersama dalam divisyen tersebut tidak melupakan pengalaman sepanjang mereka berada di sana, sebagaimana coretan di bawah:

*I can only hope that the relations and friends of those who took part in the campaign and who fell on the Peninsula, whether recorded or not, will that something, however little, has been done to their memory, February 16, 1916.*

Catatan karya ini menyimpulkan bahawa bukan Crieghton sahaja yang tidak menyertai ke medan pertempuran ini, bahkan seluruh anggota divisyen berkenaan kerana berkemungkinan mereka hadir lewat sedikit berbanding divisyen-divisyen yang lain. Catatan beliau juga bermula dari tarikh 27 Januari sehingga 9 Ogos 1916, antara yang dicatatkan beliau:

*...hence the diary is very incomplete. It is no history of the doings of the 29<sup>th</sup> Division. The regiments I saw most of naturally figure the largest for this reason only, and not because their deeds were more worthy of mention than those of other regiments.*

***Sumber: On Two Fronts Being the Adventures of An Indian Mule Corps in France and Gallipoli oleh Alexander, H.M. (1917)***

Catatan perang ini dihasilkan oleh Major Alexander (seterusnya Alexander) yang merupakan seorang daripada divisyen yang mempunyai tentera dari India dan berperang di pihak mereka. Catatan ini diterbitkan di New York pada tahun 1917 dan mempunyai ketebalan 268 halaman. Keseluruhan bab ini mempunyai 21 bab, akan tetapi sekiranya diteliti sejarah berkenaan perang di Gallipoli hanya bermula pada bab ke-15 sehingga bab ke-20, manakala bab ke-21

meletakkan kesimpulan daripada keseluruhan catatan. Catatan ini dihasilkan bukanlah ilmiah atau yang asli berkenaan perang ini, akan tetapi ia lebih kepada pengalaman peribadi. Ini jelas sebagaimana yang diperkatakan beliau:

*This book has been written during a long period of enforced idleness. It makes no claim either to literary or historical merit, but is a plain tale of personal experiences in the war. Having been written almost entirely from memory, assisted only by the briefest of diaries, I fear that it must inevitably contain some inaccuracies for which I ask indulgence.*

Di akhir bab, Alexander menyenaraikan beberapa orang yang terkorban serta haiwan yang dibawa sekali ke sana, beliau menyebut:

*During the recent fighting the mule-transport at Anzac had lost 63 men and 296 mules killed and wounded, making the total casualties from April 25 to the middle of August. Killed: Second-Lieutenant Cullen, Conductor Galway, 1 British interpreter and 20 drivers. Wounded: 3 British interpreters, 1 Indian Officer and 154 drivers. Animals killed: 259 mules and 2 horses. Wounded: 599 mules and 4 horses. Slightly wounded cases remaining at duty are not included.*

Catatan di atas memperlihatkan bahawa bukan sahaja anggota tentera yang dibawa, malah kalangan penterjemah dan haiwan turut diangkut bersama. Haiwan mungkin juga digunakan sebagai bekalan makanan untuk anggota tentera serta membuktikan bahawa pihak Britain dan Perancis bersungguh untuk mendapatkan Gallipoli ke tangan mereka.

***Sumber: The Tenth (Irish) Division in Gallipoli oleh Cooper, M.B. (1918)***

Bryan Ricco Cooper (seterusnya Cooper) merupakan seorang ahli politik Ireland, penulis, tuan tanah dan bekas tentera yang pernah terlibat dalam Perang Dunia I. Beliau dilahirkan pada 17 Jun 1884 di Simla, India dan meninggal dunia pada 5 Julai 1930 ketika berusia 46 tahun di County Sligo, Ireland. Beliau menyertai tentera British selepas dinasihati oleh ayahnya sendiri. Beliau turut berlatih dengan menggunakan pelbagai senjata api di Royal Military Academy, Woolwich pada 1902-1903. Cooper telah menghasilkan sebuah karya dengan judul, *The Tenth (Irish) Division in Gallipoli* dan karya ini diterbitkan pada tahun 1918 di London; mempunyai 10 bab serta 340 halaman.

Bab satu dan dua menceritakan perihal sejarah penubuhan 10<sup>th</sup> (Irish) Division, yang merupakan satu daripada sumbangan Lord Kitchener. Divisyen ini juga ialah satu daripada pecahan K1 Army Group Division. Divisyen berskala besar ini mempunyai enam divisyen berskala kecil, iaitu divisyen kesembilan terdiri daripada tentera sukarela negara Scotland, divisyen ke-11 terdiri daripada tentera sukarela belah utara, divisyen ke-12 terdiri daripada tentera sukarela belah timur, divisyen ke-13 daripada tentera sukarela sebelah barat dan divisyen ke 14 ialah divisyen khas untuk tentera simpanan. Divisyen berskala besar ini ditubuhkan pada 21 Ogos 1914 selepas Perang Dunia Pertama diumumkan dan bakal meletus di Eropah. Seramai hampir 100,000 orang sukarelawan tentera terdiri daripada orang awam telah mendaftarkan diri di kem terdekat. Berbalik kepada 10<sup>th</sup> (Irish) Division, divisyen ini menjadi fokus Cooper kerana beliau ditempatkan dalam divisyen ini, yang diketuai oleh General Bryan Mahon, berasal dari Ireland. 10<sup>th</sup> (Irish) Division merupakan divisyen pertama yang digerakkan untuk menghadapi musuh di bahagian Gallipoli, Salonika dan Palestin.

Bab tiga hingga lapan pula menghuraikan naratif pendaratan mereka di pantai Semenanjung Gallipoli. Mereka terselamat daripada ancaman tertentu tidak seperti pendaratan pertama tentera lain kerana beberapa bahagian mendapat tentangan bertubi-tubi daripada angkatan tentera 'Uthmaniyyah. Mereka berjaya mendarat dengan selamat serta tinggal di kem tentera seperti tentera yang lain. Bab ini menonjolkan enam peperangan besar yang dihadapi oleh Tentera Bersekutu sepanjang penawanan Semenanjung Gallipoli, iaitu peperangan di Sari Bair, Suvla Bay, Chocolate Hill, Kiretech Tepi Sirt, Kaba Kuyu dan Hill 60. Kekalahan demi kekalahan terpaksa mereka tanggung. Semakin lama tempoh peperangan, semakin bertambah jumlah kematian, kerosakan, pesakit di kem tentera, semakin berkurangan sumber makanan, kekurangan bekalan peluru, ubat-ubatan dan peralatan tentera yang banyak dirampas oleh angkatan tentera 'Uthmaniyyah. Risiko juga bakal dihadapi sekiranya mereka berkeras mahu meneruskan kempen peperangan ini kerana angkatan tentera 'Uthmaniyyah semakin menghampiri kawasan mereka.

Bab sembilan hingga sepuluh merakamkan naratif mereka terpaksa menanggung kekalahan dalam kempen peperangan tersebut, disebabkan bantuan peralatan dan keperluan Tentera Bersekutu yang lewat tiba di Gallipoli dari England. Sungguhpun pada awal serangan mereka yakin mampu menawan Semenanjung Gallipoli, tetapi kelicikan panglima tentera 'Uthmaniyyah yang diketuai Mustafa Kamal berjaya memanipulasi strategi ketenteraan pihak lawan. Tentera Bersekutu keluar dari Gallipoli dan menuju ke kem mereka di Mesir. Cooper menyatakan bahawa kekalahan mereka ini memalukan serta disalahkan kerana tidak menunjukkan semangat nasionalisme terhadap kekuatan dan keampuhan bangsa Eropah.

Catatan perang ini boleh mencatat dan menceritakan perihal keadaan mereka sahaja secara tidak menyeluruh sebagaimana catatan perang yang lain. Catatan perang ini juga berhadapan dengan memilik beberapa kesulitan kerana mempunyai halaman yang kosong dan tidak dapat dicetak kerana masalah tertentu.

***Sumber: Gallipoli Diary oleh Gillam, J.G. (1918)***

John Graham Gillam (seterunsya Gillam) merupakan pembantu pegawai dalam tentera British. Keterlibatan beliau dalam kempen peperangan ini bukan sebagai tentera penggempur pertahanan lawan, tetapi sebagai tentera yang ditugaskan untuk memberi keperluan sebagai contoh seperti membawa makanan, minuman, senjata api, selimut dan peluru kepada tentera yang sedang berkawal di barisan hadapan.

Di kesempatan itu juga, beliau memanfaatkan masa untuk berbual dan melakukan pemerhatian sepanjang berada di Gallipoli. Selepas sahaja pulang ke tanah air, beliau menghasilkan karya seperti mana yang dilaksanakan oleh tentera lain. Catatan perang ini dihasilkan sendiri oleh Gillam ketika suasana Perang Gallipoli 1915 masih lagi segar dalam minda beliau pada tahun 1918. Catatan ini mempunyai ketebalan sebanyak 328 halaman dan diterbitkan di London.

Catatan perang oleh Gillam ini dilihat menarik kerana penulisan bab beliau disusun mengikut tempoh bulan sepanjang berada di sana sehingga mereka berundur pada Januari 1916. Antara suasana yang dicatatkan oleh Gillam ialah seperti bagaimana tentera di sana menghadapi perang dalam keadaan lapar dan dahaga, sebagaimana catatan beliau:

*I have now seen the A.S.C at work in England, Egypt, France and Flanders, as well as in Gallipoli, and the result is always just the same. Tommy is hungry three times a day without distinction of place, and without distinction of place three times a day, as regular as the sun rises and sets, food is forthcoming for him, food in abundance with no queues or meat cards.*

Seterusnya, Gillam menyebut bahawa pertama kali tentera 'Uthmaniyyah mengebom mereka ialah pada 6 Jun, jam 11.00 malam ketika tentera mereka sedang besiap untuk berehat:

*We are being shelled by a battery from Kum Kale. This is the first time we have been shelled at night. They do not reach our side of the beach, and, as Philips says he can read the mind of Turkish gunner, (he is always saying this and I have great confidence in him, and that we are off the target, I go to sleep without anxiety).*

Tambahan pula, keadaan mereka semakin hari semakin teruk, bukan sahaja lapar tetapi terpaksa berhadapan dengan keadaan yang teruk, hujan yang tidak menentu serta tidur dalam air dan lumpur. Ini secara tidak langsung menjadikan moral mereka semakin jatuh, tambahan pula mereka ini sepenuh masa sebagai seorang tentera ketika mendaftar sebagai sukarela. Gillam menyebut keadaan mereka dalam catatan berikut:

*We wake up to find drizzly rain falling, blown by a strong north wind. Mud is everywhere, and the whole of the beaches a quagmire. What were once dugouts are now large puddles full of water. The system of trenches for winter quarters across the various gullies and nullahs has ceased to exist. Many of these are full to the brim with water; all have water and mud covering their floors.*

Gillam bersama pegawai-pegawai lain cuba untuk menaikkan moral serta menghilangkan bosan anggota tentera lain seperti dengan mengadakan sambutan Hari Natal, cuma perbezaannya ialah mereka menyambut di negara orang dan bukannya bersama keluarga dan jiran mereka, katanya:

*On the December 25<sup>th</sup>, It is very beautiful weather. We do the best we can for the troops in the way of supplies, but it has to be bully beef and Christmas puddings for their dinners. The Turks are unusually quiet. I believe they know that is our dugout and very cheery time. One of the cheeriest Christmas dinners I have ever had. Parcels from home pooled helped to make a good spread, and one can make excellent rissoles from bully beef.*

Catatan Gillam merupakan antara yang terbaik untuk diteliti. Ini memandangkan beliau mencatatkan secara terperinci setiap tarikh dan masa serta kemudiannya menceritakan apa yang diperhatikan sepanjang hari. Gillam juga bertuah kerana dapat menyertai kempen peperangan ini sehingga diarahkan oleh pimpinan atas supaya berundur dari kawasan Gallipoli.

### **Sumber: *The New Zealanders At Gallipoli oleh Waite, M.F. (1921)***

Fred Waite (seterusnya Waite) merupakan rakyat yang menetap di New Zealand, pernah bertugas sebagai peladang, seorang sejarawan, ahli politik dan pesara tentera yang berpeluang menyertai Perang Dunia Pertama dan Perang Dunia Kedua sepanjang kehidupannya. Beliau dilahirkan pada 21 Ogos 1885 di Dunedin, New Zealand dan meninggal pada 29 Ogos 1952 di

Balclutha, New Zealand. Ketika Perang Dunia Pertama tercetus, Waite merupakan seorang peladang yang menyahut seruan kerajaan New Zealand untuk mengajak orang ramai menyertai angkatan tentera mereka. White telah meninggalkan ladangnya, lalu menyertai New Zealand Expeditionary Force (NZEF) secara sukarela bersama beberapa orang rakan lain. NZEF ialah sebuah pertubuhan tentera sukarela yang ditubuhkan bertujuan untuk bersama-sama menyertai peperangan yang dihadapi oleh British dan sekutunya.

Perkhidmatan beliau yang cemerlang menyebabkan beliau dinaikkan pangkat kapten semasa penyertaan beliau dalam menghadapi kempen Gallipoli. Beliau juga telah dianugerahkan pingat Distinguished Service Order (DSO). Sebelum tamat kempen di Gallipoli yang berpihak kepada tentera 'Uthmaniyyah, Waite dibawa keluar dari sana kerana kecederaan yang dialami, lalu dibawa pulang ke New Zealand melalui jalan laut. Di kem tentera New Zealand, beliau menjadi pelatih dan sempat menghasilkan catatan beliau ini, iaitu *The New Zealanders at Gallipoli*.

*The New Zealanders at Gallipoli* ialah sebuah catatan perang yang dicatat Major Waite dan diterbitkan pada tahun 1921 dengan mempunyai 18 bab serta ketebalan 330 halaman. Waite turut menyatakan bahawa buku ini mengandungi beberapa kesilapan huruf dan tidak mempunyai sebarang ilustrasi. Buku ini juga dibantu oleh beberapa keping gambar yang diambil oleh anggota tentera semasa Perang Dunia Pertama, diari tentera dan juga himpunan surat mereka. Buku ini secara keseluruhannya hanya menceritakan mengenai peranan ANZAC semata dan di akhir buku ini, Waite menunjukkan senarai nama tentera ANZAC yang menyertai kempen peperangan di Gallipoli.

Bab satu hingga lima, Waite menceritakan bahawa NZEF ditubuhkan selepas berlaku pembunuhan Archduke Franz Ferdinand. Kerajaan New Zealand mengambil inisiatif menubuhkan NZEF kerana sudah menerima dan mendapat ura-ura akan berlaku peperangan yang besar selepas ini. NZEF mempunyai pelbagai divisyen dan mereka dibezakan mengikut warna pakaian. Setiap tentera sukarela yang mempunyai kuda dibenarkan untuk menunggangnya dan akan dibayar lebih oleh kerajaan bertujuan sebagai alat bantu ketika berperang. Mereka juga menetapkan syarat bahawa untuk menyertai NZEF perlu berumur tidak lebih dari 35 tahun dan memiliki tubuh badan yang sihat. Mereka dikumpulkan lalu digerakkan ke Mesir untuk mempertahankan Terusan Suez daripada kemaraan angkatan tentera 'Uthmaniyyah.

Seterusnya, sebanyak empat daripada 3,815 ekor kuda yang dibawa ke sana telah mati kerana faktor perubahan cuaca. Di sana, NZEF digabungkan dengan tentera sukarela dari Australia dan membentuk ANZAC. Mereka memulakan latihan pertama di Mesir, iaitu setiap pagi mereka berlari di padang pasir, latihan menembak, latihan fizikal dan latihan berkuda dengan tujuan memastikan mereka berada dalam keadaan bersiap sedia sepanjang masa. Pada pagi Subuh, 3 Februari mereka bertempur buat kali pertama dengan angkatan tentera 'Uthmaniyyah. Setelah semua keadaan aman, lalu mereka meninggalkan Mesir untuk membantu tentera lain di Gallipoli, Turki.

Bab enam dan seterusnya, seperti catatan-catatan yang lain, Waite menggambarkan saat pendaratan Tentera Bersekutu di Gallipoli selepas tentera laut tidak berjaya mara ke dalam kawasan wilayah 'Uthmaniyyah. Tujuan mereka adalah untuk mengasak angkatan tentera 'Uthmaniyyah supaya tidak mara dan meletupkan artileri yang mampu menghuru-harakan

pertahanan tentera laut mereka. Beberapa kawasan pendaratan mendapat tentangan daripada angkatan tentera 'Uthmaniyyah, namun semuanya berjaya mendarat kerana tentera 'Uthmaniyyah berpatah balik ke bahagian dalam. Tentera Bersekutu membersihkan kawasan lapang, memasak khemah dan menyusun peralatan tentera kepunyaan mereka.

Pada waktu malam, mereka tidak boleh tidur lena kerana merisaukan kehadiran angkatan tentera 'Uthmaniyyah yang datang menyerang hendap. Oleh yang demikian, mereka melakukan kawalan malam di beberapa kawasan. Waite sendiri menyatakan terdapat tiga perang besar semasa di Gallipoli, iaitu Perang Krithia, Sari Bair dan Kalajik Alagha. Dan, menerusi perang ini mereka mengalami kekalahan sekali gus memaksa mereka untuk berundur. Tanggal 8 Disember 1916 menyaksikan semua Tentera Bersekutu diberi arahan untuk meninggalkan Gallipoli kerana gagal menguasai semenanjung tersebut mengikut masa yang ditetapkan. Oleh itu, Waite bersama tentera lain sebelum keluar dari Gallipoli telah menyimbah kerosin dan petrol ke khemah-khemah dan beberapa peralatan yang tidak boleh dibawa balik. Ini kerana mereka tidak mahu barang kepunyaan mereka jatuh ke tangan musuh, lebih-lebih lagi sekiranya terdapat surat atau maklumat mengenai Tentera Bersekutu.

Kesimpulannya, buku ini sangat baik untuk dijadikan sumber primer kepada Perang Gallipoli 1915 kerana ia 100% memiliki dan menyampaikan maklumat daripada bekas tentera yang terlibat secara langsung, di samping gaya bahasa yang digunakan juga mudah untuk difahami.

***Sumber: Gallipoli Diary oleh Hamilton, I.S. (1929)***

General Sir Ian Standish Monteith Hamilton (seterusnya Hamilton) dilahirkan pada 16 Januari 1853 merupakan seorang tentera berpangkat jeneral paling terkenal dalam Tentera Darat British kerana kebitaraan beliau mengendalikan Pasukan Ekspedisi Mediterranean (Mediterranean Expeditionary Force). Beliau pernah beberapa kali tercedera semasa menghadapi peperangan dan pernah ditawan. Hasil usaha keras beliau, beliau telah dipanggil mengadap di hadapan Ratu England, Queen Victoria. Selain itu, beliau merupakan komander terpenting semasa melaksanakan kempen Perang Gallipoli. Beliau meninggal pada 12 Oktober 1915 di rumah akibat serangan sakit jantung. Antara catatan perang beliau ialah *The Ballad of Hadji and Other Poem, A Staff Officer's Scrap-Book During the Russo-Japanese, National Life and National Training, Gallipoli Diary* dan beberapa buku lain. Keperkasannya berkhidmat sepanjang dalam tentera darat telah menerima lima anugerah, iaitu Distinguished Service Order pada 1891, Companion pada tahun 1896, Knight Commander pada tahun 1900 serta Knight Grand Cross pada 1910 dan 1919.

*Gallipoli Diary* ini diterbitkan pada tahun 1920, setahun selepas tamat Perang Dunia Pertama dengan kekalahan yang berpihak kepada Kuasa Pusat. Catatan perang ini ditulis sendiri oleh Hamilton dengan bantuan tiga orang bekas tentera, iaitu Masefield, Nevinson dan Callwell. Setiap fakta yang dicatat adalah berdasarkan pengalaman beliau sendiri ketika berada sepanjang melalui peperangan ini. Catatan ini merupakan impian beliau supaya ia berjaya dibukukan. Beliau juga berhajat supaya buku ini diletakkan bersama dalam keranda beliau apabila ajal telah sampai. Buku ini mempunyai dua jilid dengan jilid pertama mempunyai 424 halaman, manakala jilid kedua mempunyai 390 halaman, selain itu ia mempunyai 21 bab mengenai Perang Gallipoli.

Bab satu dan dua, Hamilton mencatatkan bahawa beliau diperintahkan untuk bersiap sedia dihantar menyertai Perang Gallipoli. Beliau yang baru sahaja pulang dari kempen peperangan

lain dipanggil oleh Pejabat Tentera Darat British. Persiapan awal terpaksa dilaksanakan apabila mendapat perkhabaran bahawa Tentera Laut Bersekutu tidak mampu mara melalui Selat Dardanelles kerana disekat oleh periuk api dalam laut yang telah dipasang oleh angkatan tentera 'Uthmaniyyah. Oleh yang demikian, komander yang mengetuai serangan itu menukar strategi peperangan dengan menghentikan kemaraan tentera laut, malah sebaliknya menggunakan tentera darat dengan mendaratkan mereka di pantai Gallipoli.

Bab tiga dan empat, Hamilton menggambarkan keresahannya berkenaan persediaan tentera Bersekutu untuk melakukan pendaratan di pantai Gallipoli yang kurang mendapat perhatian pihak atasan. Ini kerana beliau diberitakan bahawa askar yang akan menyertai misi pendaratan tersebut tidak mencukupi, malah disertai kalangan tentera yang kurang berpengalaman dalam pertempuran jarak dekat, sumber makanan yang tidak seberapa dan maklumat berkaitan kedudukan musuh masih lagi samar-samar. Hamilton turut menunjukkan surat-surat beliau yang dihantar kepada pegawai atasan supaya mereka diberi bantuan yang mencukupi.

Bab lima dan seterusnya menghuraikan perihal pendaratan Tentera Bersekutu yang diwakili negara-negara British, Perancis, New Zealand dan juga Australia. Misi ini dilaksanakan di beberapa kawasan yang telah dikenal pasti, antara tempat yang menjadi sukar ialah di kawasan Pantai Gaba Tepe, yang telah pun diduduki oleh sebilangan tentera 'Uthmaniyyah. Seterusnya, selepas melalui pendaratan yang dicurigai, semua tentera menyiapkan khemah dan mengawal sekitar kawasan mereka agar kehadiran tentera 'Uthmaniyyah dapat dijejaki. Selepas beberapa hari, strategi disusun oleh setiap komander kerana misi mereka pada kali ini adalah untuk mara ke atas Gallipoli dan memusnahkan artileri tentera 'Uthmaniyyah yang dipasang di kawasan tanah tinggi. Beberapa kompeni berjaya melepasi beberapa garisan benteng pertahanan tetapi tidak boleh mara lebih dalam lagi kerana merasa bimbang dengan kehadiran kompeni yang lain.

Bab 13 hingga 17, Hamilton menceritakan babak-babak yang dinantikan, iaitu peperangan dua hala tentera darat Tentera Bersekutu dan angkatan tentera 'Uthmaniyyah. Jelas di sini menunjukkan Tentera Bersekutu mempunyai kelebihan berbanding pihak lawan dari aspek senjata api, kelengkapan perang dan bilangan tentera yang ramai. Pihak angkatan tentera 'Uthmaniyyah pula diasak pihak musuh, akan tetapi mampu bertahan sehingga peperangan dihentikan oleh Tentera Bersekutu.

Bab 18 hingga 21 merupakan peleraian kepada segala penceritaan yang dibuat oleh Hamilton. Dalam bab ini, beliau menceritakan pelan terakhir dari tentera Perancis untuk mara melepasi Gallipoli. Beliau hanya memandang sebelah mata sahaja kerana beliau mengetahui bahawa pelan itu mustahil untuk berjaya dengan keadaan tentera mereka yang sudah mula putus asa. Tentera Bersekutu yang berada di situ dibawa keluar menaiki kapal secara berperingkat. Dengan itu, misi mereka telah gagal untuk menawan 'Uthmaniyyah dan Hamilton juga menyatakan ini merupakan misi terakhir yang disertai beliau.

Catatan perang ini sangat signifikan bagi siapa yang ingin meneliti sejarah Perang Gallipoli, namun perbahasannya agak sukar difahami dengan baik kerana para pembaca memerlukan bantuan penggunaan kamus secara tekun bagi memahami beberapa patah perkataan. Di akhir catatan ini juga Hamilton menunjukkan beberapa fail serta maklumat ketika bertugas di sana.



**Jadual 1 Tipologi Sumber Primer Terpilih berkenaan Perang Çanakkale 1915**

Bil.	Penulis	Tahun	Tujuan	Catatan
1	Wheeler, E.B.	1915	Membukukan sejarah peribadi penulis ketika menyertai Perang Çanakkale 1915.	Beberapa keping gambar yang diambil oleh penulis diletakkan dalam catatan tersebut.
2	Wilkinson, N.	1915	Beberapa lukisan yang dilukis oleh penulis diletakkan dalam catatan Perang Çanakkale 1915.	Sebanyak 36 lukisan diletakkan setelah pelukis melaksanakan tugas yang diberikan oleh pihak kerajaan.
3	Masefield, J.	1916	Mencatatkan pemerhatian beliau sepanjang menyertai Perang Çanakkale 1915.	Pandangan beliau sebagai seorang pegawai tentera melihat bagaimana kepayahan beliau memimpin tentera untuk menyerang angkatan tentera 'Uthmaniyyah.
4	Refik Bey	1916	Menceritakan keadaan semasa menyertai Perang Çanakkale 1915.	Gambaran tersebut diletakkan berdasarkan syair yang dicurahkan penulis.
5	Creighton	1916	Menyatakan pengalaman beliau semasa menyertai Perang Çanakkale 1915.	Penulis merupakan krew kapal yang terlibat dalam memberi bantuan kepada tentera darat.
6	Alexander	1917	Menceritakan pengalaman beliau sebelum sehingga selepas kalah dalam Perang Çanakkale 1915.	Penulis melaporkan rekod kematian tentera, kerosakan senjata dan kematian haiwan yang dibawa semasa tempoh peperangan.
7	Cooper, B.R.	1918	Menyatakan perihal punca kekalahan tentera Barat dalam Perang Çanakkale 1915.	Kekalahan tersebut berpunca daripada kelewatan bantuan seperti peluru, ubat-ubatan dan sumber manusia.
8	Gillam, J.G.	1918	Mengisahkan peranan beliau dalam Perang Çanakkale 1915.	Penulis merupakan pembantu pegawai yang ditugaskan untuk memudahkan tentera dengan menghulurkan pertolongan yang diperlukan.
9	Waite, F.	1921	Membukukan sejarah peribadi beliau ketika	Perkhidmatan beliau yang cemerlang menyebabkan

			menyertai Perang Çanakkale 1915.	kerajaan New Zealand menaikkan pangkat beliau kepada kapten dan menerima pingat penghargaan.
10	Hamilton, I.S.	1929	Menyatakan pengalaman beliau semasa menyertai Perang Çanakkale 1915.	Beliau melampirkan beberapa fail serta sedikit maklumat sepanjang beliau bertugas sebagai jeneral tentera darat British.

Sumber: Pengkaji 2019

### Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan mengenai sumber primer terpilih berkenaan Perang Çanakkale 1915 secara analisis naratif, jelas menunjukkan terdapat individu, pihak dan negara yang menganggap perang ini amat signifikan bagi mereka kerana sejarahnya mampu untuk menaikkan semangat nasionalisme terhadap rakyat penduduk negara mereka. Pelbagai kesusahan dan keperitan yang dialami oleh tentera yang terlibat dalam perang tersebut, akhirnya Tentera Bersekutu tewas tatkala berjumlah ramai. Walau bagaimanapun, angkatan tentera 'Uthmaniyyah dibarisi oleh anak muda mereka yang mempunyai semangat tinggi dalam mempertahankan agama dan negara mereka. Sebagai orang Islam, perjuangan yang dicatatkan oleh Refik Bey membuktikan tentera 'Uthmaniyyah mempunyai semangat jihad yang tinggi dalam menghadapi tentera *kuffar*. Berbondong-bondong daripada kalangan rakyat 'Uthmaniyyah mendaftarkan diri sebagai tentera tambahan dan sukaralewan. Kisah ini banyak dilakonan semula oleh negara Turki moden hari ini, antaranya ialah seperti filem *Çanakkale 1915* yang dilancarkan pada 2012, yang mendapat sambutan besar-besaran sempena menjelang ulang tahun ke-100. Seterusnya, terdapat catatan perang yang diterbitkan semula dan dicetak untuk dijual di kedai-kedai buku agar generasi dewasa ini membaca dan menghayati sejarah 100 tahun yang lepas yang disertai anggota tentera mereka sendiri.

Makalah ini merumuskan bahawa analisis naratif Perang Çanakkale 1915 menurut cerminan sumber primer terpilih yang meletus pada akhir pemerintahan 'Uthmaniyyah adalah amat relevan. Ini memandangkan penumpuan kajian seumpunya dalam cakupan Perang Çanakkale 1915 masih belum dijalankan, khasnya di Malaysia. Penonjolan sumber primer berkaitan kronologi peperangan ini perlu dilihat dan diangkat sebagai sebuah kajian yang berwewenang, sekali gus penganalisan sedemikian berupaya memugarkan bentuk pemahaman dalam bidang sejarah dan tamadun Islam itu sendiri, khususnya berkenaan perang ini yang menjadi topik perbincangan yang signifikan. Cabaran pemerolehan sumber yang terhad kepada bahan berbahasa Inggeris memerlukan prakarsa holistik oleh para pengkaji bidang sejarah dan tamadun 'Uthmaniyyah di Malaysia secara khusus agar kebenaran dan kepentingan Perang Çanakkale 1915 dapat diuar-uarkan kepada kalangan khalayak pembaca.

### Penghargaan

Makalah ini ialah sebahagian daripada hasil kajian Kumpulan Penyelidikan 'Sejarah Ketenteraan Islam' (SAKTI), Universiti Kebangsaan Malaysia dengan kod: GUP-2019-027 dan juga GGP-2019-013.

## Rujukan

- Abdol Rauh Yaacob. 1995. Hubungan Arabia dengan British pada masa Perang Dunia Pertama. *Jebat* 25: 97-105.
- Abu Talib Ahmad & Saleha Hassan. 2001. Pergolakan dunia dan kerjasama masyarakat antarabangsa. Dlm. Wan Abdul Rahman Latif (pnyt.). *Sejarah Perkembangan Tamadun Dunia*, hlm. 396-402. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- Ahmad Fatthi Ahmad Saupi. 2018. Sumber primer dan sekunder Kerajaan Ziriyah (1012-1090M) di Granada: Satu kajian bibliometrik dan anotasi. Latihan Ilmiah. Program Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Firdaus Ashraf Mohd. 2006. Kajian bibliografi dan anotasi pilihan buku falsafah berbahasa Arab. Latihan Ilmiah. Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Aksakal, M. 2008. *The Ottoman Road to War in 1914*. New York: Cambridge University Press.
- Alexander, H.M. 1917. *On Two Fronts: Being the Adventures of an Indian Mule Corps in France and Gallipoli*. New York: E.P. Dutton and Company.
- Anon. 2003. *Bibliografi Warisan Budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Carrie, R.A. 1965. *The Meaning of the First World War*. New Jersey: Prentice Hall.
- Charlwood, D.J. 2015. The impact of the Dardanelles campaign on British policy towards the Arabs: How Gallipoli shaped the Hussein-McMahon correspondence. *British Journal of Middle Eastern Studies* 42(2): 241-252.
- Cooper, M.B. 1918. *The Tenth (Irish) Division in Gallipoli*. London: Herbert Jenkins Limited.
- Creighton, C.F. 1916. *With the Twenty-Ninth Division in Gallipoli*. London: Longmans, Green and Co.
- Denisova, T.A. 2011. *Sumber Historiografi di Alam Melayu Koleksi Peribadi John Bastin*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Ermy Azziaty Rozali & Azmul Fahimi Kamaruzaman. 2011. Perang Dunia Pertama, Deklarasi Balfour dan kesannya terhadap Palestin. *International Journal of West Asian Studies IJWAS* 3(2): 19-39.
- Farid Zulkiflee. 2012. Sejarah dan tamadun Islam era 'Uthmani: Satu kajian bibliografi dan anotasi di Universiti Kebangsaan Malaysia. Latihan Ilmiah. Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Farooqhi, S. 1999. *Approaching Ottoman History: An Introduction to the Sources*. New York: Cambridge University Press.
- Fay, S.B. 1996. *Before Sarajevo the Origins of the First World War*. New York: Free Press.
- Gillam, J.G. 1918. *Gallipoli Diary*. London: George Allen & Unwin, ltd.
- Hall, J.P. 2015. *History of the World*. Massachusetts: World Publications Group Inc.
- Hamilton, I.S. 1929. *Gallipoli Diary*. Jil. 1. London: Edward Arnold Ltd.
- Harleeza Abu Husin. 2004. *Bibliografi Sasterawan Negara*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Harleeza Abu Husin. 2017. *Bibliografi Sukan SEA*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Haythornthwaite, P.J. t.th. *Gallipoli 1915: Frontal Assault on Turkey*. London: Osprey Publishing Ltd.
- Mardiana Nordin. 2015. Penyelidikan sejarah, sumber-sumber sejarah dan bidang-bidang di dalam kajian sejarah. Kertas kerja Seminar Kaedah dan Penulisan Sejarah 2015.
- Masefield, J. 1916. *Gallipoli*. London: William Heinemann.

- Mohd Rashid Rosmanan. 2007. Sumber-sumber dalam pengkajian ilmu akidah berbahasa Melayu di Perpustakaan Tun Seri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia: Satu kajian bibliografi dan anotasi. Latihan Ilmiah. Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Razif Abdullah. 2003. Sumber-sumber berbahasa Melayu dalam pengkajian sejarah dan tamadun Islam di Andalus: Satu kajian bibliografi dan anotasi, Latihan Ilmiah. Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Taufek Abd Rahman. 2007. Sumber-sumber akidah Islam di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM): Satu kajian bibliografi dan anotasi. Latihan Ilmiah. Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nik Anuar Nik Mahmud. 2009. Perang Turki Uthmaniyah dengan Britain (1914) dan reaksi orang Melayu. Dlm. Farid Mat Zain (pnyt.). *Daulah Uthmaniyah dan Alam Melayu: Detik Kejatuhan Khalifah Islamiyah di Turki 1924 dan Reaksi Orang Melayu*, hlm. 89-96. Shah Alam: Karisma Publications.
- Nurul Huda Mohd Bisri. 2003. Peranan Kesultanan Melayu-Bugis terhadap perkembangan Islam di Selangor: Suatu kajian sejarah. Tesis Sarjana. Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Rafidah Daaim. 2006. Sumber-sumber berbahasa Melayu dalam pengkajian sejarah dan tamadun Islam era 'Uthmaniyyah: Satu kajian bibliografi dan anotasi. Latihan Ilmiah. Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Refik Bey. 1916. *Diary of a Turkish Soldier Who Fought at Gallipoli 1916*. Terj. Ameur, Redha. t.tp.: t.pt.
- Shamsiah Mohamad, Asyraf Isyraqi Jamil, Mohd Anuar Mamat, Muhammad Lukman Ibrahim, Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, Abdul Muizz Abd Talib & Hamza Abed al-Karim Hammad. 2012. Bibliografi pendidikan Islam di Malaysia: Dapatan awal. Dlm. Mohd Roslan Mohd Nor & Khadher Ahmad (pnyt.). *Islam dan Alam Melayu: Tradisi Ilmu, Kerohanian, Pendidikan, Ekonomi, Perundangan dan Masyarakat*, hlm. 119-124. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Uyar, M. 2016. Remembering the Gallipoli campaign: Turkish official military historiography, war memorials and contested ground. *First World War Studies*. 7(2): 165-191.
- Waite, M.F. 1921. *The New Zealanders at Gallipoli*. Auckland: Whetcombe and Tombs Limited.
- Wan Kamal Mujani. 2010. Sejarah politik Mamluk (648-922H/1250-1517M): Suatu pengamatan berdasarkan sumber primer dan sekunder. *International Journal of West Asian Studies* 2(2): 17-45.
- Wansbrough, J. 2004. *Quranic Studies: Sources and Methods of Scriptural Interpretation*. London: Oxford University Press.
- Wheeler, E.B. 1975. *Gallipoli*. London: George Allen & Unwin Ltd.
- Wilkinson, N. 1915. *The Dardanelles: Colour Sketches from Gallipoli*. London: Longmans, Green.
- Yanıkdağ, Y. 2015. The battle of Gallipoli: The politics of remembering and forgetting in Turkey. *Comillas Journal of International Relations* 2: 99-115.